	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas bagi aktiviti Khidmat Masyarakat.	
	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas bagi mengumpul dan menilai MyRA, Prisma bagi mengaudit kualiti dan kuantiti Penyelidikan dan Penerbitan, Inovasi dan Pengkomersialan.	
	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas ICAN yang menjalankan pengumpulan geran dan aktiviti Jalinan Perhubungan Industri.	
	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas Dana Khas Bantuan Kewangan Pelajar.	
	Perlantikan Jawatankuasa dan Koordinator Khas bagi Latihan Praktikal di Firma Profesional.	
	Perlantikan Jawatankuasa bagi menilai jumlah jam latihan/kursus/konferensi Pensyarah dan Staf Pentadbiran.	
	Perlantikan Jawatankuasa bagi membuat halatuju FSPU dan unjuran Pensyarah dan Staf Pentadbiran melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.	
	Perlantikan dan Jawatankuasa Khas Bagi Majlis Keraian, Festival dan Majlis Kesyukuran, Bacaan Yasin dan Tahlil.	

1.1.7 Memperkukuhkan Kemampanan FSPU

Fakulti ini terus berkembang dan memperkukuhkan kemampanannya dengan dua sokongan fasiliti dan modal insan.

i) Strategi Pengukuhan Fasiliti


Dari aspek strategi, pengukuhan fasiliti, FSPU telah mengujudkan 11 pusat kecemerlangan akademik yang menawarkan 29 program akademik yang bermula dengan peringkat diploma, siswazah dan pasca siswazah. Sehingga 2015, jumlah keseluruhan pelajar FSPU telah mencapai 13,000 orang yang mengikuti program di kampus Shah Alam, Seri Iskandar, Arau and Kota Samarahan. FSPU terus berkembang pesat dengan kampus terbaru di Puncak Alam sebagai kampus kelima FSPU yang telah pun beroperasi pada Mac 2016.

ii) Strategi Pengukuhan Modal Insan

Strategi pengukuhan bagi memastikan kemampanan FSPU direalisasikan melalui tiga kaedah utama iatu pemerkasaan terhadap perkara berikut (Rajah 1.4):

1. Pengurusan Atasan FSPU
2. Hal Ehwal Akademik
3. Hal Ehwal Pelajar

Ketiga-tiga kepimpinan dan pimpinan ini saling berhubung di antara satu sama lain sebagai mekanisma yang menjana kecemerlangan pelajar FSPU. Selain itu, carta alir organisasi menggambarkan koordinasi dan komunikasi fakulti dalam melaksanakan objektif, misi dan matlamat FSPU. Rajah 1.5 menggambarkan koordinasi dan komunikasi fakulti dalam melaksanakan objektif, misi dan matlamat FSPU.



Rajah 1.4: Strategi Pengukuhan FSPU
Perlaksanaan

Rajah 1.5: Kaedah Komunikasi dan Misi
dan Visi FSP

1.1.8 Komunikasi dan Prestasi Organisasi FSPU

Perkongsian maklumat di semua peringkat adalah sangat penting dalam setiap aspek perancangan, pengurusan dan pelaksanaan program. Semua jenis medium dioptimalkan bagi menyampaikan dan menyebarkan maklumat berkenaan visi, misi dan aktiviti FSPU dengan berkesan, cepat dan tepat (Rajah 1.5). Selain itu, penyampaian mesej FSPU juga dilaksanakan melalui program dan majlis anjuran Pusat Pengajian, HEP dan HEA yang mana ianya bersifat formal dan tidak formal.

1.1.9 Fokus Terhadap Tindakan


Kepimpinan FSPU menggunakan pendekatan yang memberi penekanan kepada nilai dan keseimbangan dalam memenuhi jangkaan dan harapan antara pelajar dan pemegang amanah FSPU. Fokus ini di sokong penuh oleh kepimpinan tertinggi hingga ke akar umbi di peringkat staf pengurusan, akademik, pentadbiran dan pelajar.

Visi dan nilai FSPU disampaikan kepada pelajar melalui Jawatankuasa Akademik FSPU di mana pelajar baharu dimaklumkan berkenaan peraturan dan aspirasi universiti dalam program Minggu Haluan Siswa dibantu oleh MPP dan persatuan- persatuan pelajar dari setiap Pusat Pengajian serta mengambil kira pandangan pelajar dan membuka ruang penambahbaikan melalui taklimat pelajar dan sistem maklum balas SUFO.

Pada setiap semester FSPU menerima secara aktif pendaftaran pelajar dari semua program ijazah semester (01-08) dan pasca-siswazah Master dan PhD. Pihak HEA dan HEP memproses hampir 200 permohonan aktiviti yang mana isi kandungannya adalah berfokuskan kepada kecemerlangan pelajar dan staf. Penglibatan aktif dalam aktiviti yang bersifat kecemerlangan insaniah adalah melibatkan segenap pihak seluruh warga FSPU. Pelaksanaan setiap aktiviti yang dijalankan adalah berteraskan kepada visi dan misi FSPU bagi memenuhi halatuju FSPU.



Rajah 1.6: Strategi Pencapaian Misi Kecemerlangan Akademik FSPU



Rajah 1.7: Strategi Pencapaian Misi Kualiti FSPU

Antara aktiviti-aktiviti pelajar yang dijalankan adalah Seminar Pelajar Program Pembangunan Pelajar; Minggu Mesra Siswa; Perhubungan Industri; Latihan Amali Pelajar (Rajah 1.6). Selain itu, aktiviti penggalakan inovasi dilaksanakan bagi menambahbaik kualiti dan produktiviti kerja seperti penubuhan jawatankuasa KIK dan pertandingan IIDex. Selain memastikan kecemerlangan akademik, FSPU diperkasakan dengan mempunyai unit kualiti yang secara berterusan memantau operasi dan dokumen FSPU (Rajah 1.7).

Proses audit dalam akan memastikan aspek akademik menepati kehendak Badan-badan Akreditasi program dan MQA memenuhi piawai penyediaan dokumen seperti Jadual Syarahan, Portfolio Pengajaran, kertas peperiksaan, memastikan fasiliti ruang dan peralatan di dalam keadaan yang baik dan diselenggara dapat memastikan pelajar dapat belajar dalam suasana tenang dan meningkatkan kualiti pembelajaran agar tercapai peratusan CGPA yang terbaik dan tamat pengajian menepati masa.


Untuk memastikan efisiensi sebagai fakulti yang tertua di UiTM, fakulti ini mengadakan kerjasama dan perhubungan secara professional dengan peringkat antarabangsa yang didokong oleh professor, para akademik staf dan sarjana. Dalam memenuhi dasar FSPU iaitu menyediakan dan mengendalikan program pengajian Alam Bina yang berkualiti, FSPU membangunkan kemahiran kepimpinan melalui perlantikan Ketua Pusat Pengajian, Koordinator, Pemantau Akademik, Jawatankuasa Kualiti, Jawatankuasa Audit, dan lain-lain. Melalui penglibatan ini pengurusan dapat mengenalpasti tokoh-tokoh kepimpinan di kalangan warga FSPU.

Staf akademik dan pentadbiran juga diberi peluang untuk menganggotai jawatankuasa untuk mengendalikan konferensi – konferensi peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi melatih bakat kepimpinan (Rajah 1.8). Antara pusat yang aktif adalah *Center of Behaviour Studies* (CEBs) yang sangat aktif mengadakan lebih 12 konferensi mulai 2009 dan di peringkat ASEAN (*ASEAN Conference of Behaviour Studies – ACEBs*) dan -Asia Pacific yang dikenali dengan *Asia Pacific International Conference of Behaviour Studies*. Aktiviti untuk meningkatkan kecemerlangan inovasi, keusahawanan dan kreativiti staf dan pelajar di tunjukkan di dalam Rajah 1.9.

Selain itu aktiviti kerohanian dan motivasi juga dilaksanakan bagi membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti kerja di kalangan staf pentadbiran dan staf akademik (Rajah 1.10). Untuk melahirkan pelajar yang holistik, galakan diberikan oleh pihak FSPU untuk terlibat di dalam aktiviti bercorak komuniti yang di bawah misi khidmat masyarakat (Rajah 1.11).



Rajah 1.8: Strategi Pencapaian Misi Pemerkasaan Geran, Konferensi dan Penerbitan



Rajah 1.9: Strategi Pencapaian Misi Kecemerlangan Inovasi, Keusahawanan dan Kreativiti FSPU



Rajah 1.10: Strategi Pencapaian Misi Pemerkasaan Insaniah FSPU



Rajah 1.11: Strategi Pencapaian Misi Khidmat Masyarakat FSPU



Rajah 1.12: Strategi Penghargaan Staf dan Pelajar FSPU

Penghargaan diberikan kepada staf dan pelajar yang menunjukkan sifat cemerlang (Rajah 1.12). Bentuk penghargaan yang diberikan oleh kepimpinan atasan FSPU adalah Anugerah dan Kehormat untuk Pelajar melalui anugerah seperti Sijil Dekan; Sijil Pelajar Terbaik UiTM; Hadiah/Cenderamata; Surat-surat Penghargaan; Surat-surat Tahniah; Surat-surat Pengiktirafan dan Kenaikan Pangkat. Dalam memastikan kelestarian tadbir urus FSPU, unit audit dalaman dan penurunan kuasa secara berjadual dilaksanakan bagi memastikan visi dan misi yang dibangunkan tercapai.

1.1.10 Pemantauan dan Koordinasi FSPU

Pemantauan dan kordinasi dilakukan melalui mesyuarat berkala yang diadakan seperti mesyuarat pengurusan yang dipengurusikan oleh Dekan. Pemantauan inisiatif dijalankan diperingkat fakulti dengan kerjasama *Research Management Institute (RMI)* UiTM. Hasil dari kerjasama ini, pemantauan dapat dilakukan dengan bersistematik Perubahan perancangan dilakukan melalui proses pemantauan berterusan berpandukan Pelan Tindakan. Sistem Pemantauan UePMO dan perlantikan DPMO yang diperkenalkan oleh Pusat Perancangan Strategik UiTM juga membantu perjalanan Pelan Tindakan tersebut. Ia dipertahankan melalui Mesyuarat Ketua-ketua Program, Mesyuarat Kordinator-kordinator Fakulti dan Laporan Berkala J/K Fakulti selain perbincangan secara *impromptu* oleh Dekan, Timbalan-timbalan Dekan bersama Koordinator Perancangan Strategik. Sementara di peringkat pusat pengajian mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pusat Pengajian.

1.2 GOVERNAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

1.2.1 Tadbir Urus FSPU

Pengurusan FSPU Shah Alam adalah berteraskan integriti dan akauntabiliti dalam mengurus sistem pentadbirannya. Ia berdasarkan kepada rujukan, perbincangan dan pematuhan dalam semua aspek untuk mencapai keputusan yang berkesan dari segi akademik, pengurusan dan profesionalisma kakitangannya. Penekanan akauntibiliti ini adalah berlandaskan kepada peraturan-peraturan standard dan pekeliling yang diguna pakai di antaranya adalah seperti Peraturan UiTM (Akta UiTM), Pekeliling Naib Canselor, Pekeliling Timbalan Naib Canselor UiTM, Pekeliling Dekan FSPU, Pekeliling Am Kerajaan dan Pekeliling Perkhidmatan.

Akauntibiliti Kewangan pula ditentukan melalui Pekeliling Bendahari dan Pekeliling Perbendaharaan. Pihak pengurusan akan memastikan akauntibiliti kewangan pihak pengurusan dilakukan dengan telus dan semua ahli lembaga Governan/ Badan Penggubal Dasar berhak mengetahui kedudukan akaun dan inventori/audit, Belanjawan Am dan Laporan Dalaman serta Luaran Aktiviti Tahunan Audit Am. Ketelusan operasi pihak pengurusan dilakukan dengan penekanan audit dalaman dan luaran yang bebas dan neutral melalui Pengurusan Fail Audit (Surat Menyurat), Pengurusan Fail Audit (Kertas Kerja), Pengurusan Fail Audit (Persijilan) dan Audit Am dalaman dan luaran.

Tadbir urus FSPU diterajui oleh Dekan selaku ketua pentadbiran yang akan memastikan halatuju fakulti dicapai seiring dengan matlamat penubuhannya. Beliau dibantu oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar yang membantu mentadbir pengurusan hal-hal akademik dan kesejahteraan pelajar. Lantikan Timbalan Dekan Industri dan Jaringan pula seiring dengan halatuju fakulti ke arah menggalakkan budaya penyelidikan di antara kakitangan fakulti dengan alumni serta industri luar untuk meningkatkan profesionalisma dan kualiti pensyarah.

1.2.2 Penilaian Pencapaian

Pencapaian KPI (*Key Performance Indicator*) perseorangan kakitangan pentadbiran dan akademik yang terdiri daripada ketua organisasi, ketua pusat pengajian, pensyarah dan staf sokongan pentadbiran dinilai melalui Sistem Penilaian Prestasi (SKT) setiap tahun oleh Dekan dan Ketua Pusat Pengajian. Keberkesanan pengurusan pentadbiran dan akademik pula dinilai oleh badan badan akreditasi professional dalaman dan luaran yang jawatankuasanya terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang dilantik. Antara tugas jawatankuasa ini adalah mengaudit bahan-bahan akademik, infrastruktur, kelayakan staf, penilaian pelajar terhadap program pengajian serta pengurusan dan lain-lain. Setiap pusat pengajian diwakili oleh beberapa ahli jawatankuasa akreditasi unit kualiti UiTM.

Untuk mencapai dasar halatuju FSPU, penilaian pencapaian dilakukan bertujuan untuk menentukan keberkesanan sistem kepimpinan dan pengurusan dan penambahbaikan

kecekapan dan proses sediada. Semakan mekanisma pencapaian yang digunapakai adalah seperti berikut:

Jadual 1.3 Penilaian Pencapaian FSPU

Jenis Pencapaian	Mekanisma	Indikator	Kekerapan	Dinilai oleh
Pencapaian Kualiti Akademik	- Akreditasi Badan Profesional - Badan Profesional Dalam Negeri - Badan Profesional Luar negeri - Lawatan Adjunct Professor - Lawatan Penasihat Akademik dalam dan luar - Lawatan Wakil Industri	Pencapaian kualiti akademik bertepatan dengan kurikulum dan kehendak industri.	Setiap semester ke dua tahun sekali	Badan dan perseorangan yang dilantik
Pencapaian Kualiti Staf Akademik	- Student's Feedback Online (SUFO) - Pemantauan Profesionalisma Pensyarah (PROPENS) - Sistem Penilaian Prestasi (SKT)	- Maklumbalas Pelanggan terhadap pembelajaran dan kemudahan. - Profesionalisma Pensyarah - Pencapaian KPI	- Setiap semester - Setiap semester - Setiap tahun	- Pelanggan - Ahli jawatankuasa yang dilantik - Dekan dan Ketua Pusat Pengajian
Pencapaian Kualiti Staf Pengurusan	Sistem Penilaian Prestasi (SKT)	Pencapaian KPI	Setiap tahun	Dekan

1.2.3 Perilaku Beretika dan Mematuhi Perundangan

Dalam memenuhi konteks perundangan, peraturan dan akreditasi, pihak pengurusan FSPU mempunyai strategi dan media yang tepat dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti untuk melindungi kumpulan sasarannya iaitu dari aspek pengurusan akademik, kakitangan, pelajar dan pihak berkepentingan. Pelaksanaan perkhidmatan tersebut boleh dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 1.4: Amalan Penilaian Kualiti dan Akreditasi Profesional FSPU

Pihak Staf, Pelajar dan Pentadbiran	Penilaian dan Akreditasi Program
Akademik	- Soal selidik/kajian penubuhan kursus baharu yang melibatkan komuniti dan pihak industri. - Bengkel penyediaan dokumen program baharu. - Bengkel pemantapan OBE. - Pemantauan profesionalisma pensyarah. - Semakan dan tindakan SUFO.
Staf dan Pelajar	<u>Staf</u> - Galakan menghadiri kursus dalam bidang. - Galakan pembentangan kertas kerja. - Galakan menyambung pengajian. - Pemantauan kehadiran staf. - Pemantauan kelas. - Analisa keperluan latihan. - Laporan kepakaran dalam Prisma. - Laporan tatatertib kakitangan. - Laporan keberadaan bulanan staf. - Pengisytiharan harta dan liability. - Maklumbalas badan akreditasi dan pemeriksa luar.

	<u>Pelajar</u> - Borang maklumbalas pelajar (SUFO). - Maklumbalas latihan praktikal pelajar. - Maklumbalas lawatan akademik. - Penilaian pengajaran pensyarah. - Disiplin dan tatatertib pelajar. - Surat amaran. - Laporan kehadiran kuliah. - Kaunseling.
Pihak Berkepentingan	Maklumbalas pelanggan.
Operasi Pengurusan	- Pengendalian aduan dan maklumbalas pelanggan. - Kajian keperluan pelanggan. - Peti cadangan (infrastruktur).

1.2.4 Tanggungjawab Kemasyarakatan Dan Sokongan Terhadap Komuniti Utama

FSPU bukan sahaja bertanggungjawab menitikberatkan hal-ehwal akademik sebagai *core-business*nya tetapi juga mengambil kira kesejahteraan masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung supaya mendapat faedah dan impak daripada strategi pengurusanannya. Keterlibatan kakitangan pengurusan dan akademik FSPU dengan masyarakat menyumbang kepada situasi menang-menang di kedua-dua belah pihak. Penglibatan kemasyarakatan FSPU boleh dilihat dengan jelas dalam aspek persekitaran, sosial dan ekonomi seperti jadual di bawah:

Jadual 1.5 Amalan Pengurusan Profesional FSPU

	Menyumbang dari aspek	Bentuk Kegiatan dan Aktiviti
Pengurusan FSPU	Kesejahteraan Persekitaran	- Gotong royong persekitaran fakulti. - Menanam pokok-pokok lindungan dan menaiktaraf lanskap fakulti. - Menentukan penyelenggaraan berkala kepada semua perkhidmatan untuk kesejahteraan kakitangan dan pelanggan FSPU. - Gotong royong membersihkan rumah-rumah kebajikan. - Menyumbang kepakaran dalam membina semula rumah-rumah mangsa banjir Kuala Krai, Kelantan dan Kuala Kangsar, Perak dalam kejadian banjir 2015.
	Kesejahteraan Sosial	- Meraikan warga emas dan anak-anak yatim pada musim-musim perayaan. - Melibatkan diri sebagai orang perseorangan atau menyumbang kepakaran dalam aktiviti-aktiviti keagamaan, pelajaran dan sukan. - Menjadi sukarelawan dalam misi bantuan seperti MERCY Malaysia. - Penglibatan aktif pelajar-pelajar mengikuti aktiviti-aktiviti persatuan pelajar melibatkan aktiviti dalaman dan luaran dengan IPTA dan IPTS yang lain. - Melibatkan diri sebagai fasilitator menyumbang kepakaran kepada agensi-berkaitan.
	Kesejahteraan Ekonomi	- Menggalakkan usaha-usaha kearah keusahawanan dengan terbentuknya Pekan Rabu yang diadakan setiap hari Rabu di perkarangan <i>courtyard</i> fakulti. - Melibatkan diri dalam pertandingan-pertandingan rekabentuk yang melibatkan pelajar, kakitangan dengan organisasi luar dengan ganjaran. - Melibatkan diri dalam memberi khidmat konsultansi projek-projek luar samada melalui atau tidak melalui UiTM.

Kepakaran FSPU sebagai penyumbang kepada alam bina merupakan kelebihan dan kekuatan fakulti ini untuk menghasilkan tenaga-tenaga mahir dalam bidang masing-masing. FSPU bertanggungjawab menyumbang kemahiran berkhidmat kepada masyarakat sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat.

**FAKULTI SENIBINA,
PERANCANGAN DAN UKUR**

KRITERIA 2

PERANCANGAN STRATEGIK

“Generations of Professional Excellence”



2.0 PERANCANGAN STRATEGIK FAKULTI

2.1 Objektif dan Inisiatif Strategik


Objektif dan inisiatif strategik FSPU ialah memastikan halatuju fakulti seiring dengan halatuju UiTM. FSPU telah mengambil inisiatif strategik dengan mengadakan 4 bengkel perancangan strategik dari tahun 2011 hingga tahun 2015. Hasil dari bengkel perancangan strategik FSPU 2011, dokumen perancangan strategik FSPU 2011-2015 telah dapat disediakan (Lampiran).

Untuk proses pembangunan strategi, FSPU telah memastikan kaedah bertatatingkat (hierarchical) diikuti. Ini bererti perancangan strategik FSPU mengikut kerangka perancangan strategik UiTM 2011-2015, manakala perancangan strategik pusat-pusat pengajian di FSPU pula mengikut kerangka perancangan strategik FSPU. Objektif, strategi dan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ada dalam panduan Buku Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK 10) UiTM dijadikan sebagai bahan rujukan utama. Dengan ini, perancangan strategik FSPU dan pusat-pusat pengajian di dalamnya adalah selaras dengan perancangan strategik UiTM.

Skop objektif FSPU adalah sama dengan skop objektif UiTM yang dinyatakan di dalam buku Perancangan Strategik UiTM 2011-2015 iaitu:

- Pendidikan dan pembelajaran
- Penyelidikan dan perundingan
- Penulisan dan penerbitan
- Perkhidmatan masyarakat dengan IPT dan industri dalam dan luar negara.

FSPU telah memilih bidang tumpuan “Jaringan dengan Industri” dan memberi tumpuan khas kepada perundingan di dalam pelaporan AKNC 2016 kerana FSPU merupakan fakulti yang telah memberi sumbangan yang tertinggi dari segi nilai perundingan di UiTM untuk sekian lamanya (Rajah 2.1). Inisiatif perundingan dianggap penting kerana ianya dapat meningkatkan inovasi dan perkongsian pengetahuan di dalam fakulti dan organisasi luar.



Rajah 2.1: Statistik Projek Perundingan 2015.
(Sumber: Buletin IRMI)

2.2 Objektif dan Inisiatif Strategik dalam Menyokong KPI Universiti (2011-2015)

Berdasarkan buku Perancangan Strategik RMK10 UiTM, muka surat 114, dinyatakan bahawa KPI UiTM ialah meningkatkan jumlah perundingan. Untuk itu, UiTM telah mensasarkan 30 peratus pendapatan Universiti diperolehi melalui penjana pendapatan sendiri dan ini termasuklah hasil perundingan.

Bidang perundingan telah dapat menjana pendapatan sendiri dan meningkatkan profil UiTM melalui penglibatan staf dengan organisasi luar dan industri. Hubungan rapat dengan organisasi luar telah membawa kepada perkongsian strategik seperti kerjasama penyelidikan yang dibiayai, penggunaan kemahiran dan kepakaran staf bukan sahaja memberi faedah kepada UiTM bahkan dapat membantu industri dan negara. Projek-projek perundingan menghasilkan perspektif dan idea-idea baru kepada perunding UiTM. Perspektif dan idea-idea baru ini telah disalurkan kepada pelajar dan pensyarah lain dalam UiTM. Kepakaran yang diperolehi digunakan bagi menyelesaikan masalah modal insan dalam industri dan negara.

2.3 Pelan pemantauan yang digunakan untuk memastikan Objektif Strategik dan Inisiatif Strategik dilaksanakan dengan berkesan

Pemantauan inisiatif ini dijalankan di peringkat fakulti dengan kerjasama *Research Management Institute (RMI)* (*Sekarang Institute of Research Management & Innovation – IRMI*). Hasil dari kerjasama ini, pemantauan dapat dilakukan secara bersistematik. Di peringkat fakulti, pemantauan inisiatif strategik ini dijalankan melalui mesyuarat pengurusan fakulti dan mesyuarat pusat-pusat pengajian. Empat perkara yang dipantau dalam mesyuarat-mesyuarat ini ialah:

- i. Kemajuan projek perundingan yang dijalankan.
- ii. Penggunaan sumber fakulti yang digunakan oleh perunding untuk memastikan tiada penyalahgunaan sumber seperti peralatan makmal dan ruang di fakulti.
- iii. Keberadaan perunding – untuk memastikan projek-projek perundingan tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di fakulti.
- iv. Pendaftaran projek ke dalam UePMO - terutamanya bagi *Memorandum of Agreement*. UePMO merupakan *tool* untuk memantau pencapaian objektif projek perundingan yang didaftarkan.

Manakala enam perkara yang dipantau bersama IRMI adalah:

- i. Projek yang dijalankan mengikut proses yang ditetapkan oleh UiTM
- ii. Perjanjian dengan klien - untuk mengurangkan dan membendung risiko
- iii. Memantau kemajuan projek
- iv. Menjaga akaun projek
- v. Memastikan hasil projek perundingan diagihkan kepada fakulti
- vi. Mengumpul dan memberikan maklumat kepada fakulti apabila diminta

Perubahan perancangan dilakukan melalui proses pemantauan berterusan berpandukan Pelan Tindakan di atas. Sistem Pemantauan UePMO dan perlantikan DPMO yang diperkenalkan oleh Pusat Perancangan Strategik UiTM juga membantu perjalanan Pelan Tindakan tersebut. Ia dipersetujui dalam Mesyuarat Ketua-ketua Pusat Pengajian, Mesyuarat Koordinator-koordinator Fakulti dan Laporan Berkala J/K Fakulti selain perbincangan secara *impromptu* oleh Dekan dan Timbalan-timbalan Dekan bersama Koordinator Perancangan Strategik.

Pihak fakulti juga memantau untuk memastikan bahawa projek perundingan selaras dengan halatuju UiTM dan bertepatan dengan sumber-sumber yang ada di Fakulti. Kriteria yang digunakan untuk pemantauan ini ialah:

- i. Konsisten (consistency) – inisiatif projek perundingan konsisten dengan strategi UiTM. Ini dapat dilakukan dengan menentukan inisiatif-inisiatif perundingan di FSPU tidak bercanggah dengan strategi yang digubal dalam buku Perancangan Strategi UiTM Ke-10.
- ii. Keselarasan (Consonance) - Memastikan inisiatif perundingan di FSPU selari dengan tren di universiti-universiti lain.
- iii. Kemungkinan (Feasibility), iaitu dapat dilakukan. Contohnya, sekiranya projek perundingan boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran dan tidak menguntungkan fakulti, maka projek perundingan itu tidak diluluskan.
- iv. Kelebihan (Advantage) - memberikan kelebihan kepada fakulti. Contohnya, FSPU menilai semula samada projek perundingan itu boleh meningkatkan daya saing fakulti.

Hasil dari pemantauan ini digunakan untuk penambahbaikan proses perundingan di fakulti.

2.4 Nyatakan bagaimana organisasi melibatkan semua kumpulan sasar dalam proses perancangan penambahbaikan

Hampir kesemua program di FSPU adalah program yang diakreditasi oleh badan-badan profesional. Setiap pensyarah digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti badan profesional tersebut seperti menjadi ahli exco dan ahli jawatankuasa projek. Penglibatan kumpulan sasar dilakukan dengan dua cara:

- a. Inisiatif sendiri staf
- b. Inisiatif fakulti

2.4.1 Inisiatif Staf

Disebabkan kebanyakan pensyarah terdiri dari ahli profesional yang arif dengan kehendak dan peluang di industri, maka tidak sukar bagi fakulti untuk melibatkan mereka dalam proses perancangan dan penambahbaikan. Staf FSPU dan industri mempunyai hubungan yang dinamik. Oleh itu, kebanyakan projek perundingan diperolehi melalui inisiatif pensyarah sendiri. Inisiatif yang dimainkan oleh pensyarah FSPU dalam bidang perundingan amat tinggi berbanding dengan fakulti lain. Oleh itu, FSPU sering menduduki tempat teratas di dalam bidang perundingan. Rajah 2.2 menunjukkan sebahagian daripada badan profesional dalam dan luar negara yang mengiktiraf program di FSPU.



Rajah 2.2: Badan-badan profesional yang mengiktiraf program di FSPU

2.4.2 Inisiatif Fakulti

Pihak pengurusan FSPU yang diketuai oleh Timbalan Dekan Jaringan dan Industri (ICAN) sentiasa mencari peluang untuk mewujudkan kerjasama dengan organisasi luar. Beliau akan memilih staf yang layak yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang dikenalpasti. Contohnya seperti projek berkolaborasi dengan National Disaster Management (NADMA). Dalam projek ini hanya mereka yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang pengurusan bencana (*Disaster Management*) dipilih untuk menganggotai projek yang berkaitan.

Fakulti menggubal dasar-dasar perundingan dalam bengkel perancangan strategik. Disebabkan skop perancangan strategik itu luas, maka peserta yang terlibat dalam pengubalan dasar dan strategi ini terdiri dari warga FSPU dari berbagai bidang dan peringkat. Peserta-peserta utama ialah Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Profesor-profesor, Ketua Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar dan Koordinator Perancangan Strategik FSPU.

2.5 Nyatakan apakah risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik ini

Risiko yang boleh menjejaskan kejayaan pencapaian objektif ini terbahagi kepada tiga faktor:

- a) Risiko kewangan
- b) Risiko imej UiTM
- c) Risiko kepada proses pengajaran dan pembelajaran UiTM

2.5.1 Risiko Kewangan

Kebanyakan projek perundingan menggunakan sumber kewangan dan tenaga yang intensif. Ada kalanya pihak klien gagal membayar khidmat perundingan yang telah dijalankan atas berbagai alasan. Ada juga khidmat perundingan yang tidak dapat disiapkan disebabkan kekangan yang dihadapi oleh perunding.

2.5.2 Risiko Imej UiTM

Projek perundingan yang gagal akan menjatuhkan imej UiTM dan juga reputasi perunding itu sendiri.

2.5.3 Risiko kepada proses pengajaran dan pembelajaran

Disebabkan projek perundingan ini memberikan pulangan yang agak lumayan kepada perunding, maka besar kemungkinan perunding akan memfokuskan kepada kerja perundingan dan mengabaikan tugas hakiki seperti pengajaran. Selain itu, perunding mungkin menggunakan sumber UiTM tanpa kelulusan.

2.6 Nyatakan apakah perancangan untuk mengatasi risiko tersebut

Risiko tersebut dapat diatasi dengan memastikan perunding mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antaranya:

2.6.1 Risiko Kewangan:

- a) Setiap perunding yang terlibat diminta membuat surat perjanjian dengan klien untuk menentukan tanggungjawab kedua-dua belah pihak dan juga penalti sekiranya projek gagal.
- b) Bayaran kepada perunding dipantau dan diuruskan oleh pihak IRMI.

2.6.2 Risiko Imej UiTM

Hanya mereka yang pakar dibenarkan menjalankan kerja perundingan. Kebanyakan pakar-pakar ini dikenali dan dipilih sendiri oleh klien. Oleh itu risiko kegagalan projek hasil dari inisiatif pensyarah FSPU sendiri adalah kecil. Bagi projek perundingan yang terbit dari inisiatif fakulti, pihak fakulti hanya memilih pensyarah yang mempunyai kepakaran dan *track record*. Pensyarah yang baru dalam aktiviti perundingan perlu diselia oleh pensyarah yang berpengalaman.

2.6.3 Risiko pengajaran dan pembelajaran

Koordinator peralatan dan ruang diminta mengawasi bahawa peralatan tidak disalah guna oleh perunding.

- a) Koordinator peralatan dan ruang diminta mengawasi bahawa peralatan tidak disalah guna oleh perunding.
- b) FSPU satu-satunya fakulti yang memantau keberadaan pensyarah melalui sistem *flex*. Setiap bulan semua pensyarah diberikan laporan mengenai keberadaan mereka. Oleh itu sukar bagi perunding untuk meninggalkan tugas hakiki.
- c) Pensyarah yang didapati menjalankan kerja perundingan tanpa mendapat kebenaran Fakulti akan dipanggil oleh pengurusan kanan dan diberi nasihat untuk didaftarkan di bawah pihak IRMI

2.7 Nyatakan jika ada inovasi yang terhasil dari pelaksanaan atau penambahbaikan perancangan strategik

Hasil inovasi yang terhasil ialah:

- a) Pewujudan program baru
- b) Kepakaran industri
- c) Peningkatan aktiviti penyelidikan dan penerbitan
- d) Negara dan masyarakat

2.8 Nyatakan jika ada Inovasi yang terhasil dari pelaksanaan dan penambahbaikan Perancangan Strategik

Inovasi yang terhasil dari pelaksanaan inisiatif strategik ini dikategorikan kepada dua:

- a) Inovasi kepada fakulti
- b) Inovasi kepada industri dan negara

2.8.1 Inovasi kepada fakulti

Inovasi kepada fakulti termasuk kepada pengwujudan program baru, kursus-kursus baru dan pengoptimuman penggunaan sumber seperti berikut:

- a) Kerjasama dan perundingan dengan NADMA contohnya telah dapat mempercepat penyediaan kertas kerja Program *Sarjana Disaster and Business Continuity Management*. Pihak NADMA telah memberikan kepakaran dan menyokong tenaga pensyarah sambilan jika diperlukan.
- b) Dana yang diperolehi dari hasil perundingan telah membolehkan fakulti menjalankan kursus penulisan, penerbitan dan lain-lain.
- c) Dana ini juga telah digunakan untuk geran penyelidikan bagi pensyarah-pensyarah muda di fakulti.
- d) Peralatan fakulti telah dapat dioptimalkan dan menghasilkan sumber kewangan.
- e) Ilmu dan pengalaman dari perundingan telah dapat disalurkan kepada pelajar. Pelajar-pelajar mendapat maklumat terkini dari industri.

2.8.2 Inovasi kepada industri dan negara


Industri dan negara mendapat teknik dan proses inovatif yang diterbitkan dari aktiviti perundingan yang dijalankan oleh staf FSPU. Projek perundingan *Training On Enhancement of Operational skills in The Management of AES Project* telah dapat meningkatkan keupayaan staf yang terlibat dengan projek tersebut. Begitu juga dan projek perundingan *Taxi Counter/Terminal Stock Fare Study Due Diligence Study For Peninsular Malaysia* juga telah meningkatkan keberkesanan sistem kaunter teksi di Malaysia.

**FAKULTI SENIBINA,
PERANCANGAN DAN UKUR**

KRITERIA 3


**TUMPUAN KEPADA
PELANGGAN**

“Generations of Professional Excellence”



3.0 TUMPUAN PELANGGAN

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) komited di dalam mengurus dan menaiktaraf pengurusan pelanggan dengan mengambilkira maklumbalas daripada pelanggan dan pihak yang berkepentingan seperti yang tercatat dalam piagam pelanggan (Rajah 3.1). Pelanggan dan pihak berkepentingan yang telah dikenalpasti dan berperanan penting di dalam proses penambahbaikan ini adalah pelajar, ibu bapa, alumni dan industri seperti Rajah 3.2.



Rajah 3.1 Piagam Pelanggan FSPU



Rajah 3.2 Kategori Pelanggan FSPU

3.1 Suara Pelanggan

Tumpuan yang dilakukan oleh FSPU didalam memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan telah diukur melalui kaedah **5P** yang membawa maksud perancangan, penghebahan, perlaksanaan, penyeliaan dan penilaian. Jadual 3.1 menghuraikan konsep 5P ini.


Jadual 3.1 Keperluan dan Kehendak Pelanggan Berdasarkan 5P

TUMPUAN PELANGGAN – 5P	KAEDAH PENGUKURAN / PROSES PENGURUSAN JALINAN DENGAN PELANGGAN
PERANCANGAN	• Setiap program yang dirancang merangkumi objektif tujuan, sasaran pelanggan, pengisian aplikasi dan implikasi bajet yang terlibat.
PENGHEBAHAN	• Penghebahan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan perlu dilakukan setelah perancangan dibuat.

	• Penghebahan perlu dilakukan bagi memastikan pelanggan mengetahui aktiviti yang dijalankan seiring dengan keperluan pelanggan.
PERLAKSANAAN	• Implementasi aktiviti yang telah dirancang akan dilaksanakan setelah mengikut prosidur yang ditetapkan.
PENYELIAAN	• Pemantauan terhadap aktiviti atau projek secara berkala .
PENILAIAN	• Dinilai melalui borang tahap kepuasan pelanggan serta impak kepada fakulti dan pelajar. • Penilaian tahap kepuasan oleh pelajar dan pihak yang berkepentingan melalui borang maklum balas pelanggan untuk melihat impak kepada fakulti dan pelajar.

3.2 Pengenalpastian kumpulan sasaran pelanggan bagi bidang tumpuan (perundingan)

Kumpulan sasaran bagi bidang tumpuan adalah seperti di dalam Rajah 3.3. Pengenalpastian kumpulan sasaran ini dengan merujuk kepada kumpulan pelanggan yang menerima manfaat daripada aktiviti-aktiviti bidang perundingan (rujuk Jadual 3.1).



Rajah 3.3 Pengkhususan Pelanggan bagi Bidang Tumpuan

i. Pelanggan A (Pelajar)

Pelajar-pelajar di FSPU akan menerima pendedahan awal di dalam budaya kerja bersama industri dan sebilangan daripada mereka juga berpeluang untuk melibatkan diri di dalam kerja-kerja perundingan. Penglibatan pelajar di dalam projek perundingan antara lain adalah sebagai pekerja sambilan untuk pengumpulan data, penolong penyelidik, skim khidmat pelajar dan pembantu fasilitator.



Rajah 3.4 Pelajar sebagai pembantu fasilitator dan pembantu penyelidik kursus jangka pendek GIS dan Remote Sensing dan UAV Lidar Remote Sensing.



Rajah 3.5 Pelajar terlibat sebagai pengumpul data

Selain daripada itu, sejumlah 20-30% daripada kos perundingan staf akademik FSPU telah dibelanjakan untuk membayar upah pelajar yang membantu menjayakan projek perundingan. Dengan perhubungan industri melalui projek perundingan, pelajar-pelajar berpeluang untuk berinteraksi dengan industri atau calon majikan secara langsung. Antara program interaksi pelajar-majikan yang sebahagian besarnya adalah klien-klien projek perundingan adalah seperti “Graduan Aspire” dan “Internship Program Sime Darby”.

FSPU juga memberi ruang kepada pelajar untuk menceburi bidang kemahiran keusahawanan sebagai menggalakkan pelajar memilih kerjaya usahawan sebagai pilihan pekerjaan setelah tamat pengajian. Fokus modul keusahawanan adalah lebih kepada mendedahkan pelajar kepada latihan praktikal di mana pelajar terlibat secara langsung di dalam bidang perniagaan. Daripada laporan keusahawanan fakulti, adalah didapati bahawa pendedahan yang diberikan oleh fakulti seperti memberi ceramah kepada pelajar berkenaan pentingnya bidang keusahawanan telah memberi impak yang baik kepada pelajar.

FSPU sehingga kini mempunyai rekod menunjukkan 5% pelajar menceburi bidang keusahawanan secara sambilan ketika belajar. Pelajar-pelajar ini bergiat aktif secara sendirian dan berkumpul menjalankan perniagaan secara online menjual barangan seperti tudung, emas, kain songket, jualan nilai tambah kad telefon, sewaan kereta dan percetakan. Perniagaan ini ada yang berdaftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain daripada itu, FSPU juga aktif mengadakan aktiviti bersifat keusahawanan dan antara aktiviti yang dijalankan semenjak 2014 adalah seperti berikut:

- Pasar Rabu - telah bermula pada Mac 2013 hingga sekarang
- Program kebolehpasaran graduan: ‘Road Tour on Building Information Modelling (BIM) Awareness Talk pada Oktober 2014
- ‘Ready for Success Workshop’ pada Oktober 2014
- ‘Student Business Setup (on-line)’
- Leadership and Entrepreneurship

Pasar Rabu adalah merupakan acara mingguan dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) di mana FSPU hanya menyediakan ruang dan nasihat sebagai sokongan membudayakan aktiviti keusahawanan di kalangan pelajar FSPU. Rajah 3.6 menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh kumpulan pelajar.




Rajah 3.6 Aktiviti-Aktiviti keusahawanan dan kepimpinan

i) Pelanggan B (Klien/Majikan/Alumni)

Klien/majikan/alumni adalah terdiri daripada sektor awam dan swasta yang mungkin datang dari pihak alumni yang juga merupakan bakal majikan pada bakal graduan fakulti. Antara yang pernah terlibat dengan kerja-kerja perundingan dengan FSPU adalah:

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) – Jabatan Kerajaan
2. Malaysia Airport Berhad (MAB) – Government Link Company
3. Syarikat Prasarana Negara Berhad - Swasta
4. Sime Darby Property – Swasta


Rajah 3.7 menunjukkan pembahagian klien yang terlibat dalam kerja-kerja perundingan antara tahun 2011 hingga 2015 mengikut kategori. Pembahagian kategori adalah dari sektor awam, sektor swasta, UiTM, luar negara dan lain-lain. Secara keseluruhannya perundingan yang dijalankan adalah lebih tertumpu pada sektor awam dan juga swasta. Antara kerja-kerja perundingan yang terlibat adalah kontrak penyelidikan, latihan, program penukaran knowledge (knowledge transfer program), servis professional dan servis kepakaran.



Rajah 3.7 Pembahagian klien mengikut kategori untuk tahun 2011 hingga 2015

ii. *Pensyarah/Perunding*

Pensyarah-pensyarah juga merupakan perunding di antara pelanggan A dan pelanggan B melalui kepakaran masing-masing. Rajah 3.8 menunjukkan bilangan pensyarah yang terlibat diantara tahun 2011 hingga tahun 2015. Bagi tahun 2015 seramai 43 orang pensyarah telah terlibat dalam kerja-kerja perundingan yang bernilai RM 2,518,130.70.



Rajah 3.8 Bilangan penglibatan pensyarah dalam perundingan dari tahun 2011 hingga 2015

3.3 Ganjaran dan manfaat yang didapati oleh kumpulan sasaran yang menjalankan perundingan

Pihak kementerian Pendidikan Tinggi juga telah menyediakan pelbagai wacana sebagai sokongan pada penyelidikan dan perundingan ini termasuklah dengan mewujudkan pelbagai geran penyelidikan dan perundingan. Terbaru adalah dengan melaksanakan Public-Private Research Network (PPRN) bagi mewujudkan 'knowledge-friendly ecosystem' di Malaysia.

**"Sharing knowledge,
innovative solutions"**

Sokongan di peringkat kementerian, universiti dan fakulti adalah dalam pelbagai bentuk. Ianya samada dalam bentuk imbuhan kewangan dan juga imbuhan kenaikan pangkat. Pada peringkat UiTM amnya, staf fakulti yang aktif menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan perundingan akan diberikan kemudahan pembayaran yuran di mana ianya akan ditanggung oleh pihak fakulti. Selain daripada itu mereka juga boleh memilih trek penyelidikan dalam agihan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) yang telah ditetapkan oleh pihak universiti seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2. Ini bagi membolehkan mereka yang terlibat dalam kerja-kerja penyelidikan memfokuskan pada kerja-kerja penyelidikan dan perundingan. Secara tidak langsung ia akan mengurangkan beban pengajaran sekaligus memberikan ruang untuk para pensyarah menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan perundingan yang lebih berkualiti.

Jadual 3.2 Cadangan Agihan Peratusan Jam ATP mengikut Entiti Penyelidikan UiTM

Tahap / Klasifikasi	Peratusan					
	Pengarah / Ketua		Ahli Tetap		Ahli Bersekutu	
	ATS	KJS	ATS	KJS	ATS	KJS
Tier 1 <i>World Class Centre of Excellence</i>	Mengikut surat lantikan Naib Canselor.		10	90	70	30
Tier 2 <i>High Institutions Centre of Excellence</i>	Mengikut surat lantikan Naib Canselor.		20	80	70	30
Tier 3A Institut Penyelidikan berPTJ	Mengikut surat lantikan Naib Canselor.		30	70	70	30
Tier 3B Pusat Penyelidikan	Mengikut surat lantikan Naib Canselor.		40	60	Tiada Ahli Bersekutu.	
Tier 4 Pusat Penyelidikan / RIG	Mengikut surat lantikan Naib Canselor.		50	50	Tiada Ahli Bersekutu.	

Pihak fakulti juga aktif dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada penajaan pendapatan di peringkat fakulti. Antaranya dengan mengadakan minggu keusahawanan, hari kualiti dan inovasi dan kursus-kursus pendek. FSPU juga telah berjaya memenangi Anugerah Keusahawanan Institusi peringkat kebangsaan di *UiTM Entrepreneurship Summit 2015*. Selain daripada itu FSPU turut menerima Anugerah Nilai Perundingan Tertinggi pada Hari Kualiti dan Inovasi 2015. Sebelum itu fakulti ini juga telah dinobatkan sebagai *Entrepreneurial Faculty of the Year 2013* dan *Student Engagement (Faculty Category)* di *UiTM Entrepreneurial Award 2013*.



Rajah 3.9 Entrepreneurial Faculty of the Year 2013 & Student Engagement (Faculty Category) di UiTM Entrepreneurial Award 2013



Rajah 3.10 Hari Kualiti dan Inovasi 2015 – Anugerah Nilai Perundingan Tertinggi



Rajah 3.11 FSPU di UiTM Entrepreneurship Summit 2015 - Anugerah Keusahawanan Institusi (Kebangsaan)

Penglibatan dan pendedahan pelajar di dalam membantu menjayakan projek perundingan para staf akademik fakulti dilihat mampu merealisasikan minda inovasi para graduan FSPU khususnya di dalam membentangkan kertas kerja dan projek-projek inovasi mereka di peringkat kebangsaan seperti *National Geomatics Geoinformatics Student Innovation and Competition (NGGSIC)* yang merupakan acara tahunan Lembaga Juruukur Tanah bersama institusi pengajian tinggi Malaysia (rujuk Rajah 3.12).



Rajah 3.12 Sekitar NGGSIC 2013 dan 2014 bersama sebahagian pelajar yang terlibat dan mereka yang memenangi hadiah utama.

Jadual 3.3 merupakan ringkasan manfaat yang bakal didapati oleh kumpulan sasaran dalam bidang perundingan.

Jadual 3.3 Ringkasan Manfaat Kumpulan Sasaran bidang Perundingan FSPU

Kumpulan Sasaran	Manfaat
Pelajar semasa/bakal	Memberikan peluang pekerjaan pada bakal graduan dan kursus yang diiktiraf oleh bakal majikan secara tidak langsung akan menjadikan kursus lebih dikenali. Pelajar juga dapat didedahkan dengan suasana pekerjaan yang sebenar selain dapat berinteraksi terus dengan bakal majikan.
Alumni, Klien dan Bakal Majikan	Menyediakan tenaga kerja yang lebih bersedia menghadapi suasana pekerjaan semasa dengan pendedahan awal melalui kerja-kerja perundingan yang biasa dijalankan. Pihak klien juga dapat mengenalpasti kelebihan dan kelemahan yang ada pada bakal graduan dan dapat berkongsi pendapat dengan pihak fakulti untuk tujuan penambahbaikan.
Pensyarah/ Perunding	Menambahkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang masing-masing disamping dapat berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing dengan pihak industri. Secara tidak langsung kepakaran yang ada dapat dipraktikkan dan disalurkan kepada masyarakat amnya dan negara khususnya.

3.4 Penentuan pihak pengurusan terhadap keperluan kumpulan sasaran berdasarkan pada bidang perundingan.

Penentuan terhadap keperluan terhadap kumpulan sasaran dapat diperolehi melalui kekerapan mengadakan jalinan kerjasama samada melalui MOU, seminar, kerjasama penyelidikan, perundingan dengan pihak industri bagi memastikan memenuhi keperluan bidang masing-masing. Kajian keberkesanan graduan semasa konvokesyen dijalankan turut merupakan faktor penentu kepada keperluan pihak industri terhadap bidang masing-masing. Kebanyakan Pusat Pengajian turut mengadakan minggu karier untuk pelajar bertemu terus dengan bakal majikan bagi mengetahui perkara yang diperlukan oleh pihak industri.

Penglibatan pihak industri dalam penggubalan silibus yang diadakan setiap 3 hingga 5 tahun bagi semua pusat pengajian adalah bertujuan untuk mengetahui kandungan silibus bertepatan dengan kehendak industri. Pihak fakulti juga bekerja keras dalam memastikan setiap kursus profesional mendapat pengiktirafan daripada badan profesional yang berkaitan dengan bidang profesionalan pusat pengajian masing-masing samada pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa seperti RISM, RICS, CIOB, LAM dan lain-lain lagi. Kebanyakan pihak Pusat Pengajian juga mewajibkan latihan industri yang secara tidak langsung dapat mengenalpasti keperluan pihak industri terhadap graduan.



Rajah 3.13 Minggu karier yang telah dijalankan oleh PP Ukur Bangunan dapat mendedahkan pelajar kepada keperluan bakal majikan

Hubungan baik pihak fakulti bersama klien melalui projek-projek perundingan seterusnya dapat mengariskan panduan kualiti graduan fakulti untuk memenuhi kehendak industri diluar. Penentuan ini dapat diselidiki melalui peranan Panel Industri didalam semakan silibus dan akreditasi program. Kaedah yang dijalankan oleh FSPU di dalam mengenalpasti kualiti dalam pembelajaran dan pengajaran telah diadakan iaitu dengan mengadakan semakan kurikulum oleh setiap jabatan bagi 4-5 tahun sekali. Ini bertujuan untuk memastikan silibus memenuhi keperluan industri. Semakan kurikulum dilakukan dengan mengambil kira elemen kemahiran insaniah untuk memastikan program mengaplikasikan konsep Outcome Based Education (OBE) yang menitikberatkan 3 domain pembelajaran iaitu kognitif, psikomotor dan afektif serta diseliasemak kualiti kandungan silibus selaras dengan kehendak badan profesional seperti berikut:

- LAM (Lembaga Arkitek Malaysia),
- RISM (The Royal Institution of Surveyors Malaysia),
- ILAM (Institute of Landscape Architects Malaysia),
- BQSM (Board of Quantity Surveyors Malaysia) dan
- BoVAEA (The Board of Valuers, Appraisers dan Estate Agents Malaysia).

Pelajar bukan sahaja diajar secara teori, malahan diwajibkan untuk membuat latihan amali dan lawatan ke industri bagi memberi gambaran sebenar kepada pelajar mengenai keperluan kursus. Malahan sesi ceramah oleh golongan profesional sering diadakan yang dikendalikan oleh Pusat-pusat Pengajian. Bagi memastikan program akademik dan bukan akademik memenuhi kriteria pihak industri, FSPU mengambil langkah dengan mengadakan hubungan dan jaringan industri melalui program yang memerlukan penglibatan pelajar dan pihak berkepentingan. Dengan ini maklum balas tahap *softskill* pelajar dapat diperolehi. Lawatan industri antara yang dipraktikkan oleh sebilangan besar pusat pengajian di FSPU, *Survey*

camp oleh Pusat Pengajian Sains Ukur dan Geomatik, Lawatan akademik, program latihan teknikal dan pembuatan, latihan kemahiran insaniah dan Program *Finishing School*.

Program-program FSPU telah mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional peringkat nasional seperti LAM (Lembaga Arkitek Malaysia), RISM (The Royal Institution of Surveyors Malaysia), ILAM (Institute of Landscape Architects Malaysia), BQSM (Board of Quantity Surveyors Malaysia), Lembaga Jurukur Tanah (LJT), Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) dan BoVAEA (The Board of Valuers, Appraisers and Estate Agents Malaysia). Selain daripada itu, FSPU juga telah mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional peringkat antarabangsa seperti Royal Institute of Chartered Surveyors (RICS), Chartered Institute of Building (CIOB), International Federation of Interior Architects (IFI) dan Royal Institute of British Architects (RIBA). Staf di FSPU juga ada yang dilantik untuk menjadi ahli lembaga Pacific Real Estate Society (PRESS), pemeriksa luar University of Western Sydney dan Lincoln University.

Terdapat juga staf FSPU yang dilantik menjadi profesor pelawat contohnya profesor pelawat di King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang, Thailand. Di dalam negara ramai staf FSPU terlibat sebagai ahli panel penilai MQA, penilai pengelasan hotel Kementerian Pelancongan Malaysia (MoTOUR), ahli lembaga LAM & CAAEM LAM.

Usahasama dan kerjasama bersama FSPU dengan organisasi dalam dan luar negara juga dimeterai seperti Memoranda Persefahaman (MoU) dengan Malaysian Institute of Planners/ Federal Department of Town & Country Planning, King Mongkut's Institute Technology Ladkrabang (Bangkok), Universitas Pancasila (Indonesia), Universitas Gadjah Mada (Indonesia), Eastern Mediterranean University (North Cyprus), Istanbul Technical University (Turkey) dan Abu Dhabi University (UAE).

3.5 Penglibatan kumpulan sasaran dalam pelaksanaan bidang perundingan

Pengurusan FSPU menggariskan beberapa item di dalam Pelan Strategik Fakulti 2010-2015 yang merangkumi penerapan budaya penyelidikan dan juga pengaktifan di dalam bidang perundingan. Selain daripada itu, kakitangan akademik fakulti digalakkan untuk mendaftar sebagai ahli di dalam bidang-bidang profesional masing-masing seperti Lembaga Jurukur Tanah, Lembaga Jurukur Bahan, Lembaga Arkitek Malaysia dan lain-lain.

Pihak fakulti juga membenarkan penglibatan para pelajar di dalam projek-projek perundingan dengan tidak menjejaskan proses pembelajaran hakiki pelajar tersebut. Pelajar-pelajar juga disyorkan untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti badan-badan profesional bidang masing-masing seperti konferen-konferen peringkat sarjana muda anjuran RICS dan pertandingan-pertandingan anjuran badan-badan profesional yang mendekatkan lagi para pelajar dengan pihak profesional dan industri (Rajah 3.14).



Rajah 3.14 Aktiviti-aktiviti anjuran badan profesional yang memerlukan penglibatan pelajar

Selain daripada itu, FSPU mengekalkan hubungan baik bersama Alumni FSPU yang kebanyakannya merupakan pemain industri yang penting dan juga pihak berkepentingan. Program-program alumni seperti Seminar Alumni 2014, Majlis Makan Malam Alumni 2014 dan

Kejohanan Golf Yayasan Budiman UiTM-Alumni FSPU 2014 banyak memberikan input-input serta maklumbalas daripada pihak berkepentingan secara formal dan juga tidak formal (Rajah 3.15).



Rajah 3.15 Program Makan Malam Alumni, Pertandingan Golf, Seminar dan Forum Alumni

3.6 Tindakan pihak pengurusan terhadap maklumbalas pelanggan

Pemantauan projek perundingan staf akademik adalah tertakluk kepada piawaian operasi yang ditetapkan oleh Institusi Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) di bawah kelolaan Unit Perundingan UiTM. FSPU menggunakan pendekatan yang sama dengan meletakkan penambahan koordinator jaringan industri di setiap pusat pengajian bagi membantu dan melaporkan aktiviti-jaringan industri pusat pengajian kepada pengurusan fakulti. Setiap perunding atau ketua projek mempunyai tanggungjawab dan akauntabiliti. Keberkesanan proses bagi sesuatu projek perundingan adalah menjadi tanggungjawab ketua projek untuk memaklumkan pihak pengurusan berkenaan tamat, batal atau penambahan masa yang diperlukan. Oleh yang demikian, maklumbalas pelanggan diuruskan oleh Unit Perundingan UiTM.

3.7 Keberkesanan dan inovasi yang terhasil daripada maklumbalas pelanggan

Melalui projek perundingan yang berkesan, para perunding di FSPU antaranya berjaya memperoleh kolaborasi perniagaan yang berteraskan penyelidikan. Geran Malaysia Laboratories for Academia - Business Collaboration (MyLAB) bernilai RM3.6 juta diperolehi pada tahun 2014 adalah bukti keberkesanan dan inovasi yang terhasil daripada maklumbalas pelanggan. Geran ini merupakan satu integrasi di antara penyelidikan dan perundingan dengan kerjasama 3 universiti (UTM, UiTM dan USM) dan sebuah syarikat (Ir Technic Sdn Bhd).



Rajah 3.15 Ketua-ketua projek MyLAB 2014


Di dalam komponen teras MyLAB terdapat beberapa pilot projek menjana pendapatan yang berjaya diperolehi (*National TNB GRID Tower Stress Mapping Malaysian Peninsular, Highways Land slides Mapping, Digital Models for Tanah Alna, Bukit Tinggi, Island 3D models for Malaysian Navy - Pulau Perak*) di bawah kelolaan syarikat persendirian. FSPU juga diberi mandat untuk menjalankan *Short course on LiDAR Mapping* dan *Annual short course on LiDAR mapping for Malaysian Licences Land Surveyors* di bawah kelolaan Pusat Pengajian Sains Ukur dan Geomatik.

**FAKULTI SENIBINA,
PERANCANGAN DAN UKUR**

KRITERIA 4

**PENGUKURAN,
ANALISA DAN
PENGURUSAN
PENGETAHUAN**

“Generations of Professional Excellence”



4.0 PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

FSPU menggunakan maklumat perancangan strategik dan sasarannya sebagai kerangka untuk memilih proses penilaian prestasi organisasi. Proses tersebut dinilai secara berkala untuk memastikan ianya selari dengan akreditasi semasa, kehendak peraturan dan memenuhi keperluan akademik, dan keperluan operasi untuk menjamin pengukuran yang sistematik bagi mencapai pengurusan pengetahuan yang berkesan.

4.1 PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENAMBAHBAIKAN PRESTASI ORGANISASI

4.1a (1) Pengukuran Prestasi

Semua Petunjuk Prestasi Utama (KPI), data dan maklumat untuk memantau operasi dan pencapaian keseluruhan FSPU disemak dan ditentukan oleh pihak pengurusan untuk melaksanakan penambahbaikan yang berterusan serta meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Melalui Bengkel Perancangan Strategik FSPU yang diadakan sekali setahun, kesemua bahagian fakulti diwakili Ketua Pusat Pengajian bersama-sama membincangkan dan menilai semula secara menyeluruh mekanisma pengukuran pencapaian yang berkaitan dengan bahagian dan bidang masing-masing. Sebelum penentuan pengukuran dimuktamadkan, Pengurusan FSPU membuat semakan akhir untuk memastikan kompetensi teras, cabaran strategik, serta keseimbangan terhadap keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan telah diambil kira.

Maklumat dan hasil perbincangan yang diperoleh melalui Bengkel Perancangan Strategik FSPU sangat membantu pihak pengurusan menggariskan mekanisma pengukuran yang paling berkesan terhadap KPI serta pencapaian sasaran objektif fakulti. Pendekatan ini adalah untuk memastikan bahawa KPI ini difahami dan diterima pakai oleh semua warga FSPU. Maklumat dari pelbagai sumber ini akan diintegrasikan oleh koordinator-koordinator yang dilantik di peringkat fakulti.

Pengukuran prestasi perundingan, inovasi dan pengkomersilan di FSPU adalah berdasarkan objektif kualiti FSPU dan Pelan Strategik FSPU, 2011-2015. Penilaian berkala dibuat untuk melihat keberkesanan mekanisma pengukuran yang telah digariskan berdasarkan sasaran pencapaian yang telah ditetapkan. Jadual 4.1 menunjukkan Pengukuran Prestasi Mengikut Objektif Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama, Pelan Strategik FSPU bagi keberhasilan perundingan, inovasi dan pengkomersialan, dan penglibatan pelajar dalam inovasi. Jadual 4.1 menunjukkan, Fakulti menyasarkan secara kumulatif jumlah hasil perundingan, inovasi dan pengkomersilan yang terkumpul sehingga tahun 2015 adalah sebanyak RM50 juta manakala peningkatan tahunan dari RM1.4 juta pada tahun 2011, RM2.5 juta pada tahun 2012, RM2.7 juta pada tahun 2013, RM2.9 juta pada tahun 2014 dan sehingga kepada peningkatan RM3.0 juta pada tahun 2015. Manakala untuk penglibatan pelajar dalam inovasi pula, dianggarkan bilangan pelajar yang terlibat dalam pelbagai inovasi secara kumulatifnya meningkat dari 10,000 orang pelajar pada tahun 2011 kepada sasarannya 20,000 pelajar menjelang tahun 2015. Sasaran untuk setiap tahun penglibatan aktif pelajar dalam pelbagai pertandingan inovasi adalah memperlihatkan peningkatan dari 50 orang pada tahun 2011 kepada 120 orang pada tahun 2015. Manakala, Jadual 4.2 menunjukkan pengukuran prestasi mengikut objektif kualiti FSPU, di mana ia memperincikan sasaran serta kekerapan pengukuran prestasi.

Jadual 4.1 Pengukuran Prestasi Mengikut Objektif Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama, Pelan Strategik FSPU Sumber: Pelan Strategik FSPU, 2011-2015

Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran				
		2011	2012	2013	2014	2015
Pemantapan keberhasilan perundingan, inovasi dan pengkomersilan	Jumlah hasil perundingan, inovasi dan pengkomersilan setahun Sasaran: RM50 juta menjelang tahun 2015	15m 1.4m	25m 2.5m	35m 2.7m	45m 2.9m	50m 3.0m
Penglibatan pelajar dalam inovasi	Bilangan pelajar yang terlibat dalam pelbagai pertandingan inovasi setahun Sasaran: 20,000 menjelang tahun 2015	10000 50	12000 60	14000 80	16000 100	18000 120

Jadual 4.2 Pengukuran Prestasi Mengikut Objektif Kualiti FSPU
Sumber: Pelan Strategik FSPU, 2011-2015

Objektif Kualiti/ Sasaran	Perkhidmatan Utama	Kekerapan Pengukuran
Mencapai pertambahan peratusan bilangan pelajar tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke 10%. (<i>Graduate on time & First Class</i>)	Pengurusan dan Profesional	Setiap semester
Memastikan sekurang- kurangnya 85% pelajar sepenuh masa lulus dalam tempoh yang ditetapkan. (<i>Graduate on time</i>)	Pengurusan dan Profesional	Setiap semester
Meningkatkan peratusan tenaga pengajar dengan kelayakan PhD kepada 60% dan kelulusan profesional kepada 40% pada tahun 2020.	Pengurusan dan Profesional	Tahunan
Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan sebanyak RM1 juta setiap tahun.	Penyelidikan PRISMa, RMI	Tahunan
Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan dan penerbitan ilmiah/ kerja kreatif pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun.	Penerbitan PRISMa, RMI	Tahunan

Antara strategi-strategi yang digariskan untuk mencapai sasaran yang telah dirancang bagi perundingan, inovasi dan pengkomersilan adalah seperti berikut:

- Untuk menjana pendapatan lebih dari RM1 juta setahun
- Untuk menambah jumlah bilangan perundingan, latihan, dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan;
- Untuk menambah jumlah bilangan MoU/MoA dengan agensi awam dan swasta, badan profesional, universiti-universiti tempatan dan luar negara;
- Untuk bekerjasama dengan industri-industri lain, universiti dan fakulti-fakulti;
- Untuk mempromosikan FSPU sebagai pusat perkhidmatan dan perniagaan yang mampan.


Melalui semua sistem yang diamalkan, hasil pencapaian FSPU telah disebarluaskan kepada seluruh warganya dan pihak berkepentingan. Penyebarluasan dan kebolehpencapaian data dan maklumat membantu proses membuat keputusan berdasarkan fakta serta penambahbaikan bermatlamat dan menghasilkan inovasi terhadap proses kerja.

4.1a (2) Data Perbandingan

Data perbandingan digunakan untuk menyokong keputusan strategik dan keperluan inovasi. FSPU membuat perbandingan dalam menentukan daya saing program-program yang dikendalikan di FSPU. Pencapaiannya perlu dibandingkan dengan fakulti-fakulti di dalam UiTM dan juga fakulti-fakulti Alam Bina di dalam dan luar negara. Perbandingan peringkat dalaman dilakukan bagi melihat tahap pencapaian akademik para pelajar bagi setiap program dan jabatan pada setiap semester. Selain itu, sumber maklumat pesaing terhampir dan purata keseluruhan fakulti di UiTM untuk melihat kedudukan FSPU secara keseluruhan turut dilakukan. Perbandingan ini dilakukan setahun sekali.


Data perbandingan adalah elemen utama semakan KPI untuk menilai pencapaian FSPU dan tahap pencapaian objektif kualiti fakulti. Data-data ini membantu FSPU untuk mengenalpasti jurang dan peluang penambahbaikan serta menetapkan matlamat berdasarkan maklumat yang lebih rasional dan spesifik pada masa hadapan. Contohnya, berdasarkan perbandingan hasil perundingan, inovasi dan pengkomersilan FSPU (Rajah 4.1), peratusan hasil perundingan, inovasi dan pengkomersilan FSPU mencatatkan peningkatan dari 2013 ke tahun 2015 dan mencapai sasaran dari Objektif Kualiti FSPU. Antara lain peningkatan peratusan dari sasaran yang dimetakan adalah melalui kerjasama perundingan dengan agensi kerajaan contohnya Jabatan Pertanian, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; agensi swasta contohnya Sime Darby Property, CIDB Malaysia dan TBS (Rajah 4.2). Dalam pada itu Rajah 4.3 menunjukkan kepelbagaian jenis perundingan yang diperolehi sepanjang lima tahun perbandingan data contohnya khidmat profesional, penyelidikan kontrak, sumbangan panel kepakaran, khidmat latihan yang diberikan kepada kumpulan-kumpulan tertentu, KTP (Program Perpindahan Pengetahuan) dan sebagainya. Pada tahun 2012, jumlah hasil dapatan yang diterima dari khidmat profesional adalah yang paling tinggi berbanding dengan tahun yang lain. Walaubagaimanapun untuk tahun perbandingan 2015, geran perundingan adalah dari khidmat profesional, penyelidikan kontrak dan khidmat latihan.

Selain dari itu, kolaborasi antara staf FSPU dan staf dari Fakulti lain dalam projek-projek perundingan agak signifikan dalam menyumbang kepada hasil perundingan yang melebihi sasaran (Rajah 4.4). Antara Fakulti-fakulti yang berkolaborasi dengan FSPU adalah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Undang-Undang dan sebagainya (Jadual 4.3).




Rajah 4.1 Perbandingan Hasil Perundingan, Inovasi dan Pengkomersilan
Tahun 2011 – 2015

Sumber Data: Analisis data daripada Centre for Strategic Planning & Information (CSPI)




Rajah 4.2 Perbandingan Kategori Geran Yang Diperolehi Tahun 2011 – 2015
Sumber Data: Analisis data daripada Centre for Strategic Planning & Information (CSPI)

Contoh agensi-agensi kerajaan dan swasta yang memeterai kontrak perundingan dengan FSPU.



Rajah 4.3 Perbandingan Jenis Perundingan Yang Diperolehi oleh FSPU dari Tahun 2011 – 2015

Sumber Data: Analisis data daripada Centre for Strategic Planning & Information (CSPI)



Rajah 4.4 Perbandingan Kolaborasi Antara FSPU dan Fakulti Lain Dalam Perundingan Tahun 2011 – 2015

Sumber Data: Analisis data daripada Centre for Strategic Planning & Information (CSPI)

Jadual 4.3 Fakulti-fakulti lain yang berkolaborasi dengan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) dalam projek perundingan

Fakulti-fakulti lain yang terlibat
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Fakulti Sains Kesihatan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Fakulti Pengurusan Perniagaan
Fakulti Undang-Undang
Akademi Pengajian Bahasa
Fakulti Kejuruteraan Awam
Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif
Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Fakulti Sains Gunaan

Sumber Data: Analisis data daripada Centre for Strategic Planning & Information (CSPI)



Rajah 4.5 Kolaborasi Perundingan FSPU

4.1b Analisis dan Semakan Prestasi

KPI yang disasarkan oleh Unit Perancangan Strategik FSPU sentiasa dinilai setiap tahun melalui mekanisme kajiselidik, pemantauan dan audit. Analisis pencapaian dilaksanakan sebanyak sekali setahun. Data-data berdasarkan sasaran objektif kualiti dianalisis menggunakan menggunakan analisis deskriptif, analisis perbandingan dan juga analisis tren. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisa dan menyemak pencapaian KPI, objektif Kualiti dan perancangan strategik FSPU, analisis perbandingan diguna untuk membandingkan pencapaian FSPU dengan fakulti lain, serta analisis tren digunakan untuk menilai peningkatan atau penurunan prestasi dalam jangka masa tertentu.

Terdapat empat kriteria yang digunakan dalam semak semula KPI FSPU, iaitu sama ada ianya:

- i. Konsisten dengan KPI UiTM keseluruhannya
- ii. Bersesuaian atau harmonis (*consonance*) dengan aliran (*trend*) dalam industri
- iii. Boleh dicapai (*achievable*)
- iv. Memberi kebaikan (*advantageous*) dari segi daya saing.

Pengurusan Eksekutif, Akademik dan Pentadbiran FSPU terlibat secara langsung dalam proses semakan pencapaian semua objektif kualiti yang ditetapkan. Maklumat pencapaian KPI FSPU dan kemampuan organisasi diterima dalam bentuk laporan bertulis, laporan perbandingan, analisis data dan dibincangkan dalam Mesyuarat Mesyuarat bersama Koordinator yang diadakan setiap semester dan Bengkel Perancangan Strategik FSPU yang diadakan setiap tahun.

Dalam membuat analisis perbandingan, beberapa sumber data telah digunakan seperti laporan mesyuarat, seminar, bengkel dan ulasan, kritikan dan cadangan membina oleh kakitangan akademik dan sokongan. Analisis pencapaian semasa berbanding pesaing terhampir turut dilaksanakan untuk menilai daya saing FSPU. Analisis juga dibuat dengan memilih fakulti yang mengamalkan amalan terbaik dalam elemen tertentu sebagai penanda aras untuk perbandingan. Data-data tahun semasa dan tahun terdahulu disimpan, dianalisa dan dibandingkan untuk melihat tahap, tren dan perbandingan unjuran prestasi. Semua sumber maklumat ini memberikan analisis lengkap Fakulti termasuk penjajaran misi fakulti, perancangan strategik dan pelaksanaan, proses keberkesanan dan kecekapan, aliran prestasi dan jangkaan pihak berkepentingan.

4.1c Penambahbaikan Prestasi

FSPU menggunakan hasil semakan prestasi untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan dan inovasi. Keutamaan adalah berdasarkan beberapa kriteria termasuk sokongan ke atas visi dan misi, jurang antara sasaran dan pencapaian, pencapaian pesaing terhampir dan amalan terbaik.

4.1c (1) Perkongsian Amalan Terbaik

Kerjasama antara pelbagai kumpulan kerja membantu menggerakkan dan melaksanakan proses penambahbaikan berkaitan KPI. Hasil penilaian KPI didokumentasi dan juga dibincangkan dalam pelbagai mesyuarat FSPU antaranya Mesyuarat Penyelidikan. FSPU menyediakan garis panduan dan proses penambahbaikan dengan mengambil kira data perbandingan terhadap hasil perundingan, inovasi dan pengkomersilan.

4.1c (2) Prestasi Masa Hadapan

Penambahbaikan prestasi turut dilaksanakan selepas proses analisis dan semakan dijalankan. Proses ini membantu FSPU mengenal pasti kelemahan seterusnya membuat tindakan pembetulan dan pencegahan.

Usaha untuk penambahbaikan prestasi ini dilaksanakan secara berterusan di FSPU mengikut keperluan semasa.

4.1c (3) Penambahbaikan Berterusan dan Inovasi

Keutamaan penambahbaikan, inovasi dan pelan tindakan disebar luas kepada seluruh warga FSPU dengan menggunakan pelbagai mekanisme komunikasi. Peluang yang terhasil dari penemuan kajian semula prestasi akan disebarkan kepada staf, pihak berkepentingan melalui mesyuarat, perbincangan, bengkel, seminar, media cetak, dan sebagainya.

Selain itu, pelbagai inovasi proses kerja telah dilaksanakan di FSPU untuk mencapai pelbagai matlamat seperti penjimatan kos dan masa seterusnya menjurus kepada penambahbaikan prestasi.

4.2 PENGURUSAN MAKLUMAT DAN ILMU

4.2a (1) Data dan Kesediaan Maklumat

FSPU mengutamakan ketepatan data dengan memastikan dokumen penting yang digunakan telah disahkan oleh Pihak Bertanggungjawab (PTJ) adalah terkini. Pendekatan ini diaplikasi dalam pengurusan data, maklumat dan pengurusan ilmu pengetahuan.

Ketepatan dan integriti data dipastikan dengan mendapatkan maklumat daripada orang yang arif dan bertanggungjawab mengenai maklumat tersebut. Sekiranya perlu, maklumat dikumpul daripada dua atau tiga sumber lain bagi tujuan semakan silang (*cross-checking*). Selain itu, untuk memastikan integriti data, perlu dipastikan ianya tepat, lengkap dan terkini. Ia juga perlu boleh diakses pada bila-bila masa apabila diperlukan.

Perlaksanaan Audit Dalam sangat penting dalam mewujudkan integriti dan kebolehpercayaan. Ahli-ahli Jawatankuasa audit dalam telah dilantik dan dilatih untuk memantau prosedur mengurus proses audit dalam ini. Setiap maklumat penting yang diaudit mesti dipersetujui dan disahkan dalam mesyuarat pengurusan.

FSPU menguruskan pencapaian maklumat melalui pelbagai mekanisma. Pencapaian maklumat penting bagi memastikan aliran maklumat dicapai oleh semua staf. Penyebaran maklumat secara berperingkat penting bagi memastikan maklumat organisasi dipanjangkan ke seluruh bahagian fakulti. Pihak bertanggungjawab terhadap penyediaan dan penyebaran maklumat diperincikan dalam Jadual 4.4. Mekanisma yang digunakan adalah komunikasi, bahan bercetak dan media elektronik.

Jadual 4.4 Pihak Bertanggungjawab Terhadap Penyediaan Maklumat

Maklumat	Pihak bertanggungjawab
Penyelidikan dan Inovasi	Unit Penyelidikan dan Jaringan Industri FSPU
Aktiviti kualiti dan anugerah	Jawatankuasa Kualiti FSPU
Prestasi HEA	Bahagian HEA FSPU
Prestasi HEP	Bahagian HEP FSPU
Sumber Manusia	Bahagian Pentadbiran FSPU
Prestasi kewangan	Pejabat Bendahari Zon 9
Sumber maklumat pengajaran dan pembelajaran	Perpustakaan
Aduan dan maklum balas pelanggan	Bahagian Pentadbiran FSPU
Cadangan program baru, perancangan strategik	Unit Perancangan Strategik FSPU

Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU

Pengendalian maklumat perlu mengambil kira beberapa langkah keselamatan, contohnya memastikan ianya sentiasa tepat dan lengkap dari masa ke semasa. Selain itu, pendedahan maklumat penting kepada pihak yang tidak berkenaan perlu dihalang.

Pihak Fakulti memastikan semua data dan informasi disediakan dalam pelbagai sumber seperti laman sesawang Fakulti. Sebahagian besar data boleh diakses melalui sistem atas talian oleh setiap staf dan pihak lain yang berkepentingan. Maklumat khas pula boleh diperolehi melalui Ketua Pusat Pengajian/ Koordinator Kursus dan pegawai yang ditugaskan di pejabat pentadbiran. Setiap pusat pengajian dibekalkan sebuah '*external hard disk*' untuk menyimpan data- data penting dan adalah menjadi tanggungjawab Ketua Pusat Pengajian untuk memastikan ianya selamat.

4.2a (2) Kesediaan Maklumat ketika Kecemasan

FSPU menjamin data dan maklumat sentiasa berada dalam keadaan selamat sekiranya berlaku kecemasan. Kesemua data penting dan kritikal yang dikumpul di FSPU mempunyai salinan (*back up*) yang disimpan di tempat berasingan dari maklumat asal. Setiap koordinator

bertanggungjawab mempunyai salinan individu bagi tujuan keselamatan dan mengelakkan kehilangan data. Sekiranya berlaku kecemasan, salinan data boleh diperolehi dari pemacu, cakera padat dan salinan keras yang disimpan di tempat khas. Ini akan mengurangkan masa yang diperlukan bagi memulihkan data. Data penting dipindahkan secara berkala dan disimpan dalam bentuk salinan keras dan salinan digital.


Kesimpulannya, FSPU memastikan data dan maklumat boleh dicapai bagi tujuan penilaian tahap pencapaian dan menambahbaik sistem pengurusan secara sistematik dan efisien.

**FAKULTI SENIBINA,
PERANCANGAN DAN UKUR**

KRITERIA 5

TUMPUAN KEPADA TENAGA KERJA

“Generations of Professional Excellence”



5.0 TUMPUAN TENAGA KERJA

Bab ini akan menjelaskan tumpuan tenaga kerja ke atas kerja – kerja perundingan di dalam FSPU. Tenaga kerja ini merupakan elemen penting di dalam menjayakan sesebuah visi dan misi yang di tetapkan oleh FSPU. Bab ini merangkumi penjelasan mengenai penglibatan tenaga kerja di dalam kerja – kerja perundingan, sokongan dan inovasi terhadap kerja – kerja perundingan dan penilaian tahap kepuasan terhadap hasil perundingan.

5.1 Keupayaan Dan Kapasiti Tenaga Kerja

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur pada dasarnya adalah berteraskan Alam Bina yang terdiri daripada sepuluh (10) bidang pengajian bagi memenuhi keperluan industri dan badan profesional masa kini. Fakulti dibantu oleh 293 kakitangan akademik dan 61 kakitangan pentadbiran bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti penyelidikan dan perundingan serta keusahawanan dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut misi dan visi universiti (Jadual 5.1).

Jadual 5.1 Jumlah Staf Akademik dan Pentadbiran Fakulti (2011 – 2015)

BIL	KATEGORI JAWATAN	TAHUN				
		2011	2012	2013	2014	2015
1	AKADEMIK	325	317	313	306	293
2	PENTADBIRAN	59	60	59	60	61
	JUMLAH	384	377	372	366	354

Keupayaan dan kapasiti tenaga kerja terhadap bidang perundingan disokong oleh Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) diketuai oleh Timbalan Dekan Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) dan seorang pembantu eksekutif yang diwujudkan pada tahun 2011 untuk memantau aktiviti perundingan dan penyelidikan staf bagi memastikan ianya seiring dengan misi semasa UiTM. Selain itu, hampir keseluruhan jabatan pengajian mempunyai koordinator perundingan dan penyelidikan untuk memantau aktiviti – aktiviti perundingan peringkat jabatan pengajian (Jadual 5.2).

Jadual 5.2 Kewujudan Koordinator Perundingan di Setiap Pusat Pengajian

Bil	Jabatan	Koordinator Perundingan
1	PUSAT PENGAJIAN UKUR BAHAN	√
2	PUSAT PENGAJIAN PEMBINAAN	√
3	PUSAT PENGAJIAN SENIBINA	√
4	PUSAT PENGAJIAN SAINS GEOMATIK	√
5	PUSAT PENGAJIAN SENIBINA DALAMAN	√
6	PUSAT PENGAJIAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH	√
7	PUSAT PENGAJIAN SENIBINA LANDSKAP	-
8	PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN HARTA TANAH	√
9	PUSAT PENGAJIAN UKUR BANGUNAN	√
10	PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN TAMAN DAN AMENITI	√

5.1.1 Pencapaian Tenaga Kerja

Pencapaian tenaga kerja dicapai melalui struktur organisasi yang di bentuk bagi menghadapi perubahan dan cabaran di dalam dan di luar pasaran. Struktur organisasi terdiri daripada dua bahagian utama iaitu pentadbiran dan akademik. Bahagian Pentadbiran dibahagikan kepada Bahagian Pentadbiran, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Hal Ehwal Akademik dan juga Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri.

Bagi kerja – kerja perundingan, ianya ditadbir oleh IRMI dan juga Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri yang diketuai oleh Timbalan Dekan ICAN bagi peringkat fakulti. Terdapat

juga ahli jawatankuasa di dalam fakulti bagi melihat isu – isu berkaitan FSPU seperti kebijakan staf, akreditasi serta aktiviti pelajar. Bagi menghadapi cabaran dan pembangunan FSPU masa hadapan, bengkel perancangan strategi dilaksanakan setiap tahun dengan melibatkan staf pentadbiran dan wakil setiap pusat pengajian. Perancangan strategik ini akan dinilai setiap tahun bagi memastikan ianya dapat mencapai KPI yang ditetapkan.

Di dalam mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman tenaga kerja di dalam bidang perundingan, FSPU sentiasa menyokong staf akademik untuk menjalankan kerja – kerja perundingan di samping mendokong misi universiti ke arah universiti komprehensif. Ini terbukti dengan trend jumlah perundingan yang diperolehi oleh staf FSPU meningkat setiap tahun.

Jadual 5.3 Nilai Perundingan 2011 – 2015 (RM)

2011	2012	2013	2014	2015
34,850.00	2,227,728.00	911,695.00	275,696.54	2,771,915.30

Selain itu, melalui perundingan juga, staf – staf akademik berpeluang untuk menjadi tenaga pengajar bagi aktiviti perundingan yang melibatkan latihan dan pembangunan staf.

Jadual 5.4 Tenaga pengajar bagi kerja – kerja perundingan (2011 – 2015)

Tahun	Jumlah
2011	-
2012	10
2013	4
2014	4
2015	10

5.2 Sokongan dan Inovasi Terhadap Kerja-Kerja Perundingan

Bagi menampung keperluan staf akademik seramai 293 di dalam menggalakkan kerja-kerja perundingan, pelbagai perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan telah dilakukan.

Perancangan dan pelaksanaan yang strategik dari semua peringkat amat diperlukan bagi menggerakkan FSPU ke arah perundingan yang cemerlang. Di antara pelaksanaan yang memberi impak besar terhadap perundingan ialah dengan wujudnya portfolio Penyelidikan dan Jaringan Industri pada tahun 2013 yang lebih spesifik telah memacu kerja-kerja perundingan terus bergerak maju. Melalui kewujudan portfolio ini, pemantauan dan penambahbaikan yang lebih mampan telah dapat dilakukan. Keberkesanan kerja-kerja perundingan yang dijalankan oleh FSPU dapat dilihat dari jumlah perundingan yang berjaya diperolehi.

Jadual 5.5 Projek Perundingan tahun 2011-2015

BIL	HURAIAN	TAHUN				
		2011	2012	2013	2014	2015
1	Jumlah projek perundingan	1	24	9	9	9
2	Nilai projek perundingan (RM)	34,850.00	2,227,728.00	549,280.00	874,335.94	2,198,710.30

Peningkatan dari jumlah bilangan projek perundingan dan juga nilai projek menunjukkan kerja-kerja perundingan oleh FSPU amat memberangsangkan. Walaupun jumlah bilangan kerja-kerja perundingan pada tahun 2015 dilihat menurun berbanding tahun 2012, jika dibandingkan dari segi nilai projek yang diperolehi menunjukkan peningkatan dari segi saiz projek perundingan yang diperolehi adalah dalam skala yang lebih besar. Perancangan dan pelaksanaan yang telah dibuat bagi menggalakkan penglibatan staf di dalam kerja-kerja perundingan adalah:

- 1) Bayaran honorarium kpd staf
Setiap projek perundingan yang dijalankan, bayaran honorarium akan diperuntukan kepada setiap staf yang terlibat. Ini menggalakkan lagi penglibatan staf dengan kerja-kerja perundingan di atas inisiatif yang diberikan.
- 2) Meningkatkan bilangan professional
Daripada Jadual 5.6, dapat dilihat peningkatan bilangan staf yang mempunyai kelayakan PhD meningkat setiap tahun dengan purata kenaikan sebanyak 10%. Dengan adanya golongan profesional yang lebih ramai dan berpengalaman ini, kerja-kerja perundingan bergerak secara holistik. Ini merupakan salah satu perancangan FSPU bagi menggalakkan kerja-kerja perundingan di jadikan sebagai satu budaya di FSPU dan dapat memindahkan kemahiran (transfer knowledge) kepada semua secara tidak langsung memajukan negara dari segi intelektual.

Jadual 5.6 Bilangan Staf Akademik FSPU Mengikut Kelayakan
Dari Tahun 2011 – 2015

BIL	TARAF KELAYAKAN	TAHUN				
		2011	2012	2013	2014	2015
1	PHD	61	73	78	87	92
2	SARJANA	245	228	219	208	191
3	IJAZAH	14	11	11	5	5
4	PROFESIONAL	4	4	4	5	4
5	DIPLOMA	1	1	1	1	1
	JUMLAH	325	317	313	306	293

Bagi mempersiapkan golongan professional FSPU di dalam kerja-kerja perundingan, staf yang berkelayakan juga turut digalakkan untuk menjalani Latihan Industri bagi meluaskan lagi ilmu pengetahuan di dalam bidang masing-masing(Jadual 5.7). Selain daripada itu juga, cuti sebatikal turut dipraktikkan bagi membolehkan staf profesional mendalami lagi ilmu kepakaran dan turut menyumbang kepakaran yang ada kepada industri yang ditempatkan (Jadual 5.8).

Jadual 5.7 Penempatan Latihan Industri Staf FSPU tahun 2011-2015

BIL.	TEMPAT	BIL. STAF TERLIBAT	TAHUN
1	Sime Darby Property Sdn. Bhd. Shah Alam	1	2011
2	UiTM Holdings Sdn. Bhd. Intekma Resort and Convention Center, Shah Alam	2	2011
4	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	1	2011
5	Arkitek Alirancipta Sdn. Bhd.	1	2015
6	Munirah Saaid Architecture	1	2015

Jadual 5.8 Cuti Sebatikal Staf FSPU Tahun 2011-2015

BIL.	TEMPAT	BIL. STAF TERLIBAT	TAHUN
1	UiTM, JUPEM dan Jurukur Hashim Serantau	1	2011
2	Centre of Construction, Building and Urban Studies (CeBus), Fakulti Alam Bina, University Malaya,K.L	1	2015

1. Mengadakan manual pendaftaran projek perundingan dan pengendalian.
Bagi memudahkan dan menggalakkan kerja-kerja perundingan di FSPU, satu manual prosedur projek perundingan telah diwujudkan sebagai rujukan. Perlaksanaan ini telah memudahkan dan mempercepatkan proses kerja-kerja perundingan dijalankan.
2. Mewujudkan portfolio perundingan di setiap jabatan di FSPU
Bagi membudayakan kerja perundingan, pendekatan di peringkat jabatan merupakan tunjang kepada pelaksanaan ini. Portfolio perundingan di setiap jabatan telah diwujudkan dan sebanyak sepuluh (10) jabatan di bawah pengurusan FSPU telah bekerjasama bagi merealisasikan setiap perancangan yang dibuat.
3. Jalinan Memorandum Persefahaman (MoU)
Bagi meluaskan lagi jaringan kerja-kerja perundingan oleh FSPU dengan industri luar, MoU telah dibuat dengan pelbagai organisasi luar (Jadual 5.9). Usahasama ini tidak hanya dibuat dengan organisasi tempatan, malah jalinan kerjasama antarabangsa juga turut terlibat di mana peratusan jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa adalah 75% berbanding tempatan sebanyak 25% sahaja. Ini jelas membuktikan UiTM khususnya FSPU diiktiraf secara global.

Jadual 5.9 Memorandum Persefahaman FSPU Tahun 2011-2015

BIL	ORGANISASI TERLIBAT	MULA	TAMAT
1	Malaysian Institute of Planners/Federal Department of Town and Country Planning	04/10/14	04/25/14
2	University of Science & Technology Yemen	06/14/09	06/13/13
3	Istanbul Technical University, Turkey	12/15/11	12/15/14
4	King Mongkut's Institute of Technology, Thailand	04/05/11	04/04/16
5	Universitas Pancasila, Indonesia	06/08/11	06/08/16
6	Eastern Mediterranean University, Turkey	12/06/11	12/09/11
7	University of Salford, United Kingdom	01/01/08	01/01/15
8	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia	03/01/15	03/01/16

5.2.1 Mengoptima Sumber Tenaga Pakar

FSPU merupakan fakulti yang mempunyai sepuluh (10) Jabatan di bawah naungannya. Kelebihan ini menjadikan FSPU unik dan dengan sumber kepakaran yang ramai di dalam pelbagai bidang, membolehkan kerja-kerja perundingan dibuat secara menyeluruh merangkumi aspek teknikal dan juga pengurusan.

Dengan adanya peluang kerja-kerja perundingan di dalam pelbagai bidang, FSPU telah dapat mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber tenaganya. Kerja-kerja perundingan yang dibuat tidak hanya menjurus kepada bidang atau industri pembinaan sahaja di mana bidang ini merupakan bidang kepakaran utama FSPU. Malahan FSPU turut menyediakan khidmat perundingan kepada industri lain selain daripada pembinaan iaitu industri kewangan, pengangkutan, perkapalan, pendidikan, pertanian, penguatkuasaan dan komunikasi. Ini membuktikan, FSPU telah berjaya mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman tenaga kerja yang ada.

Jadual 5.10 Kerja-Kerja Perundingan Mengikut Industri (Tahun 2011-2015)

BIL	INDUSTRI	BIL. PROJEK
1	Kewangan	1
2	Pengangkutan	10
3	Pembinaan	28
4	Perkapalan	1
5	Pendidikan	6
6	Pertanian	2
7	Penguatkuasaan	2
8	Komunikasi	2
	JUMLAH	52

Jadual 5.11 Kerja-Kerja Perundingan Mengikut Jenis (Tahun 2011-2015)

BIL	HURAIAN	BIL. PROJEK
1	Pengurusan	35
2	Latihan Kemahiran	15
3	Pembangunan sistem	2
	JUMLAH	52

Dengan adanya sistem sokongan dari UiTM, RMI selaku unit perundingan sebagai pemudah cara telah banyak membantu perlaksanaan kerja-kerja perundingan ini.

3.3 PENILAIAN TAHAP KEPUASAN

Statistik penilaian tahap kepuasan pelanggan terhadap kerja-kerja perundingan yang dilakukan oleh FSPU dapat dilihat melalui kriteria-kriteria seperti berikut:

1. Klien yang berulang
Berdasarkan dari Jadual 8, menunjukkan bilangan klien yang sama telah berulang kali mendapatkan khidmat perundingan FSPU. Ini menunjukkan tahap kepuasan klien terhadap kerja-kerja perunding yang telah dilaksanakan oleh FSPU.

Jadual 5.12 Klien/Pelanggan Yang Sama dari Tahun 2011-2015

NO	KLIEN	BIL. PROJEK
1	SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (SPAD)	4
2	K BUILDERS TRAINING & CONSULTING	4
3	BAHAGIAN PEMBANGUNAN UITM	6
4	SIME DARBY PROPERTY BERHAD	2
5	SYARIKAT PRASARANA NEGARA BERHAD	3
6	RUMAH EMAS CONSTRUCTION	2
7	DEPARTMENT OF AGRICULTURE	1
8	CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD (CIDB)	2

2. Peningkatan peratus projek perundingan
Peningkatan jumlah kerja-kerja perunding yang meningkat dari setiap tahun dari segi bilangan dan juga nilai projek juga menunjukkan tahap kepuasan klien terhadap hasil keberkesanan kerja-kerja perundingan yang dijalankan oleh FSPU. Ini dapat dilihat di Jadual 5.13 dimana menunjukkan peratus kenaikan nilai projek setiap tahun kecuali pada tahun 2013. Walaubagaimanapun, peningkatan telah berlaku bagi tahun-tahun seterusnya.

Jadual 5.13 Peratusan Kenaikan Nilai Projek Perundingan dan jumlah projek terkumpul bagi Tahun 2011-2015

TAHUN	BIL. PROJEK	BIL. PROJEK TERKUMPUL	NILAI PROJEK	% (NAIK / TURUN) NILAI PROJEK
2011	1	1	34,850.00	0%
2012	24	25	2,227,728.00	630%
2013	9	34	549,280.00	-75%
2014	9	43	874,335.94	59%
2015	9	52	2,198,710.30	151%

3. Bilangan projek/pelanggan kerja-kerja perundingan
Peningkatan jumlah bilangan projek di dalam kerja-kerja perundingan dengan FSPU juga turut meningkat dari tahun ke tahun. Ini dapat dilihat di dalam Jadual 5.13 dan Jadual 5.14.

Jadual 5.14 Senarai Klien kerja Perundingan Tahun 2011-2015

NO	KLIEN	BIL. PROJEK
1	MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (MKM)	1
2	SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (SPAD)	4
3	BETA TEGAP SDN BHD	1
4	K BUILDERS TRAINING & CONSULTING	4
5	MALAYSIA AIRPORT HOLDINGS BERHAD	1
6	MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION	1
7	BAHAGIAN PEMBANGUNAN UITM	6
8	DZJ & ASSOCIATES ARCHITECTS SDN BHD	1
9	SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA	1
10	INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI	1
11	MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN (MPS)	1
12	PYRO TECH SYSTEMS SDN BHD	1
13	PERFAC RESOURCES SDN BHD	1
14	MILLENNIUM RELEASE SDN BHD	1
15	PGF INSULATION SDN BHD	1
16	SIME DARBY PROPERTY BERHAD	2
17	INSTITUT PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)	1
18	MAJLIS AMANAH RAKYAT	1
19	SPRM	1
20	SCHOOL OF QUANTITY SURVEY (SQS) JAKARTA INDONESIA	1
21	SCHOOL OF QUANTITY SURVEY (SQS) JAKARTA INDONESIA	1
22	MSO CORPORATION SDN BHD	1
23	SYARIKAT PRASARANA NEGARA BERHAD	3
24	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA	1
25	KR ASIA SYNERGY SDN BHD	1
26	C.M. MANAGEMENT (SARAWAK) SDN BHD	1
27	COMMIX ARTS SDN BHD	1
28	YUS SDN BHD	1
29	CONSTRUCTION RESEARCH INSTITUTE OF MALAYSIA	1
30	RUMAH EMAS CONSTRUCTION	2
31	KERAJAAN NEGERI SELANGOR	1
32	TERMINAL BERSEPADU GOMBAK SDN BHD	1
33	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	1
34	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR	1
35	DEPARTMENT OF AGRICULTURE	1
36	CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD (CIDB)	2
JUMLAH		52

Berdasarkan kepada statistik yang dilaporkan diatas, menunjukkan kualiti kerja-kerja perundingan yang dilakukan oleh FSPU diiktiraf oleh industri luar dengan penunjuk peningkatan yang amat memberangsangkan. Ini telah membuktikan tenaga professional FSPU mahir di dalam pelbagai bidang. Dengan adanya sumber tenaga professional yang berkaliber, FSPU bersedia untuk menggalas dan menjalankan kerja-kerja perundingan yang lebih luas di masa hadapan.



Photo 1 dan 2 Sesi Perundingan yang dilakukan oleh FSPU

PENUTUP


Bab ini cuba menjelaskan tumpuan tenaga kerja terhadap kerja – kerja perundingan di FSPU. Melalui penerangan – penerangan dan bukti – bukti yang diberikan sebelum ini, jelaslah tenaga kerja di FSPU dapat diutillasikan oleh pihak pengurusan. Pengurusan FSPU juga mempunyai struktur organisasi yang sistematik di mana unit ICAN bertindak sebagai penyelarasan kepada kerja-kerja perundingan di FSPU.

**FAKULTI SENIBINA,
PERANCANGAN DAN UKUR**

KRITERIA 6

TUMPUAN KEPADA OPERASI

“Generations of Professional Excellence”



6.0 FOKUS KEPADA OPERASI

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur mempunyai penawaran dari segi perundingan yang menjalankan pelbagai kegiatan di peringkat national. Kepelbagaian program alam bina di fakulti adalah kekuatan fakulti dalam menyumbang pembangunan negara. Kepelbagaian program juga untuk memastikan keperluan dan kehendak perundingan ditepati melalui sistem pengurusan dan penambahbaikan sistem kerja yang dilakukan secara berterusan selaras dengan matlamat dan objektif yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM).

6.1 OPERASI PERUNDINGAN


Operasi perundingan secara dasarnya ditadbirkan oleh *Institute of Research Management & Innovation* (IRMI), di peringkat universiti. Di peringkat fakulti, Timbalan Dekan Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (ICAN), bertanggungjawab untuk membuat pemantauan data yang diperolehi daripada IRMI.

6.2 PENGURUSAN OPERASI PERUNDINGAN

Tiada objektif khusus dalam pencapaian pensyarah terhadap keterlibatan dalam projek perundingan. Walau bagaimana pun para pensyarah digalakkan untuk terlibat dalam projek perundingan agar ilmu dan pengalaman yg didapati itu boleh di salurkan dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti. Di samping itu, ia boleh menjana pendapatan individu dan universiti. Terdapat 177 (63%) pensyarah yang terlibat dengan perundingan daripada 281 staf akademik sejak 2011 hingga 2015. Jumlah projek perundingan adalah sebanyak 51 dengan nilai 5,648,679.74.

a) Pengurusan Operasi Perundingan

Proses pengendalian projek perundingan adalah seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 6.1: Proses perundingan


Proses perundingan dimulai dengan surat tawaran dari klien kepada fakulti atau universiti. Setelah surat tawaran di perolehi, koordinator ICAN fakulti akan mengawalselia perjalanan perundingan dengan memastikan ia mengikuti ketetapan syarat dan perjanjian perundingan. Seterusnya, projek akan didaftarkan di bawah IRMI. Surat lantikan akan dikeluarkan dan urusan transaksi kewangan dan perkara berkaitan adalah di antara pihak klien dan universiti. Sebelum menamatkan projek, klien dan penyelidik harus mengemaskini status.

(1) Pelaksanaan Operasi Perundingan Utama


Mekanisma pengukuran utama yang digunakan bagi mengawal dan menambahbaik proses adalah melalui:

- a) Objektif FSPU
- b) Piagam Pelanggan
- c) Key Performance Indicator (KPI)
- d) Sasaran Kerja Tahunan (SKT)

Mekanisma pengukuran utama melibatkan objektif FSPU dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Melalui mesyuarat ini tindakan susulan akan dilaksanakan sekiranya terdapat objektif yang tidak tercapai.



Rajah 6.2 Prestasi nilai projek perundingan berdasarkan tahun penglibatan



Rajah 6.3 Geraf peningkatan dan penurunan nilai projek perundingan

Prestasi peningkatan dan penurunan projek perundingan seperti rajah 6.1 dan 6.2 di atas menunjukkan pada tahun 2011 nilai projek perundingan adalah rm34,850. Diikuti dengan peningkatan pada tahun 2012 dengan nilai projek perundingan sebanyak rm2,227,728. Pada tahun 2013, nilai projek perundingan menurun ke rm 911,695. Seterusnya nilai projek perundingan menurun lagi ke rm275,696.54 akan tetapi pada tahun 2015, nilai projek perundingan telah melonjak ke rm2,198,710.20. Berdasarkan prestasi nilai projek perundingan yg di tunjukkan di atas, ia tidak berada di dalam keadaan malar, akan tetapi terdapat penurunan dan peningkatan nilai projek.

(2) Menambahbaik Operasi Perundingan

Bagi peningkatan dan penambahbaikan, pihak university dan kementerian pengajian tinggi dalam proses penambahbaikan sumber pendapatan untuk kelestarian universiti. Selaras dengan hasrat itu, proses penambahbaikan dari segi pemasaran, khidmat rundingan hendaklah disebar luaskan dari segi strategi pemasaran jaringan dan hebahan adalah seperti dalam rajah 6.4 di bawah.



Rajah 6.4 Jaringan Perundingan

Jaringan perundingan diperluaskan ke peringkat antarabangsa agar prestasi nilai projek dapat terus ditingkatkan.

**FAKULTI SENIBINA,
PERANCANGAN DAN UKUR**

KRITERIA 7

HASIL

“Generations of Professional Excellence”



7.0 HASIL

7.1 Hasil dari Pelaksanaan Strategi

Hasil dari pelaksanaan strategi ini ialah:

- a. Halatuju jelas
Perancangan strategi ini memberi halatuju yang jelas kepada warga fakulti. Matalamat fakulti, sistem pemantauan, proses dan prosidur dijelaskan dengan terperinci. Warga FSPU memahami tanggungjawab dan prioriti yang dikehendaki dari mereka.
- b. Meningkatkan profil fakulti dan universiti
Perancangan strategik ini juga telah meningkatkan profil fakulti. Ramai pensyarah fakulti diberi kepercayaan untuk menjadi ahli exco badan profesional, hakim kepada pertandingan yang berprestij dalam negara, pemeriksa program-program di luar universiti dan juga pemeriksa luar PhD.
- c. Peningkatan profesionalime perunding
Interaksi para perunding dengan industri dan organisasi luar telah mendedahkan mereka kepada kehendak terkini, memahami proses dan etika yang diperlukan oleh seorang profesional. Ini dapat meningkatkan daya saing perunding dan menyalurkan ilmu tersebut kepada pelajar dan warga fakulti yang lain.
- d. Meningkatkan keusahawanan di kalangan pelajar
Para pelajar telah menjadikan pensysrah yang menjadi perunding sebagai model dalam kerjaya mereka. Mereka menyanjungi persyarah yang pakar dalam berbagai bidang dan dapat bersaing dalam industri dan tidak terkongkong dalam bidang pengajaran sahaja. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan FSPU menjurai bidang keushawanan di UiTM untuk dua tahun berturut-turut (2014 dan 2015).
- e. Pendapatan yang dijana sendiri meningkat
FSPU telah dapat menjana pendapatan sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber kewangan UiTM. Ini membebaskan FSPU menjalankan aktiviti prioriti tanpa menghadapi banyak kekangan kewangan. Sumber kewangan ini telah digunakan untuk aktiviti penerbitan, penyelidikan dan pengajaran yang memberikan impak yang tinggi kepada fakulti.

7.2 Hasil dari Proses Perundingan Fspu

Hasil pencapaian proses perundingan FSPU diukur berdasarkan kepada hasil pencapaian prestasi proses perundingan dan hasil keberkesanan operasi proses perundingan berasaskan pelanggan, fakulti dan staf.


7.2.1 Hasil Pencapaian Prestasi Proses Perundingan Fspu

Indikator utama yang digunakan untuk mengukur hasil pencapaian prestasi perundingan FSPU adalah berdasarkan Laporan Perundingan FSPU dari tahun 2011 hingga 2015.

i. Bilangan Projek Perundingan yang Diperolehi

Rajah 7.1 di bawah menunjukkan jumlah keseluruhan bilangan projek perundingan yang diperolehi pada setiap tahun dari 2011 hingga 2015. Jumlah perundingan telah meningkat pada tahun 2012 ke 25 projek dari 1 projek perundingan pada tahun 2011. Kenaikan secara mendadak ini adalah merupakan hasil usaha pihak Dekan dan pengurusan atasan fakulti dalam menggalakkan para staf terutamanya para pensyarah terlibat dengan projek


perundingan tidak kira samada dari dalam dan luar negara bagi meningkatkan kepakaran dan pengetahuan dalam pelbagai jenis projek perundingan. Bilangan projek perundingan kekal dari tahun 2013 hingga 2015 iaitu sebanyak 10 projek. Ini jelas menunjukkan prestasi proses perundingan berdasarkan bilangan projek yang diperolehi tercapai dan berterusan dari tahun ke tahun.



Rajah 7.1 Bilangan Projek Perundingan yang diperolehi

ii. Bilangan Projek Perundingan yang Diperolehi Mengikut Kategori

Rajah 7.2 pula menunjukkan bilangan projek perundingan yang dijalankan mengikut kategori. Terdapat 5 kategori projek perundingan yang dijalankan iaitu projek perundingan bersama sektor awam, sektor swasta, pihak UiTM, luar negara dan lain-lain. Secara keseluruhannya dapat dilihat kebanyakan projek perundingan adalah datangnya dari sektor swasta iaitu sebanyak 26 projek diikuti oleh sektor awam sebanyak 20 projek, pihak UiTM 5 projek dan masing-masing 1 projek dari luar negara dan lain-lain.




Rajah 7.2 Bilangan Projek Perundingan yang diperolehi Mengikut Kategori

iii. Bilangan Projek Perundingan Mengikut Jenis Perundingan

Jenis perundingan melibatkan aktiviti individu atau kumpulan individu di dalam khidmat kepakaran kepada sektor awam, swasta atau badan berkanun di Malaysia atau luar negara yang mematuhi setiap dasar yang ditetapkan Universiti dan kerajaan serta tertakluk kepada pindaan dasar tersebut dari masa ke semasa. Rajah 7.3 menunjukkan bilangan projek

perundingan yang diperolehi mengikut jenis perundingan. Jenis-jenis perundingan yang dijalankan adalah merangkumi *profesional services (PS)*, *contract research (CS)*, *expert panel (EP)*, *training (T)*, *knowledge transfer programme (KTP)* dan lain-lain. *Profesional services* merupakan jenis perundingan yang paling kerap dilakukan iaitu sebanyak 30 projek diikuti dengan *contract research* sebanyak 12 projek. Ini jelas menunjukkan bahawa hasil pencapaian proses perundingan dapat dilihat dengan bertambahnya projek perundingan berdasarkan jenis perundingan dan membuktikan bahawa kepakaran dan pengetahuan staff FSPU telah digunapakai oleh industri luar serta mewujudkan kepercayaan antara pihak klien dan universiti.




Rajah 7.3 Bilangan Projek Perundingan yang diperolehi Mengikut Jenis Perundingan

iv. Jumlah Nilai Keseluruhan Projek Perundingan

FSPU kembali mencapai peningkatan peratusan jumlah nilai projek perundingan yang diperolehi dari tahun 2011 sehingga 2015. Jadual 7.1 di bawah menunjukkan peratusan jumlah nilai projek perundingan yang meningkat pada tahun 2012 jika dibandingkan pada tahun 2011. Pada tahun 2015, nilai keseluruhan projek perundingan semakin meningkat sehingga 42.2% iaitu RM2,518,130.70. Oleh itu secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa berlakunya kenaikan jumlah nilai keseluruhan projek perundingan FSPU dari tahun 2011 sehingga 2015.

Jadual 7.1 Jumlah Nilai Keseluruhan Projek Perundingan Mengikut Tahun

Tahun	Bil	Jumlah	%
2011	1	RM34,850.00	0.58
2012	25	RM2,227,728.00	37.3
2013	10	RM911,695.00	15.3
2014	7	RM275,696.54	4.6
2015	10	RM2,518,130.70	42.2



Rajah 7.4 Nilai Projek Perundingan dari Tahun 2011-2015

v. Bilangan Projek Perundingan yang Tamat

Sepanjang tahun 2011 sehingga 2015 telah menunjukkan sebanyak 53 projek perundingan telah dijalankan dan kesemua projek ini telah tamat mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan (Rujuk Rajah 7.4). Kesemua projek perundingan yang dijalankan oleh FSPU adalah bergantung kepada Garis Panduan Perundingan yang telah ditetapkan oleh pihak Unit Perundingan UiTM. Rekod juga telah menunjukkan tiadanya projek batal dan projek perlu tambahan masa. Ini jelas menunjukkan bahawa prestasi proses perundingan berdasarkan kepada indikator bilangan projek perundingan yang tamat mengikut tempoh masa yang ditetapkan adalah tercapai.

7.2.2 Hasil Keberkesanan Operasi Proses Perundingan Fspu

i. Pencapaian Pensyarah

Bilangan pencapaian pensyarah/staf FSPU yang terlibat di dalam projek perundingan dari tahun 2011 hingga 2015 dapat ditunjukkan dalam Jadual 7.2.2. Bilangan pensyarah/staf meningkat dengan ketara pada tahun 2012 iaitu seramai 112 orang jika dibandingkan pada tahun 2011 iaitu hanya 6 orang sahaja. Pada tahun 2013 dan 2014 bilangan staf yang terlibat menurun sebanyak 16% dan 8% di dalam projek perundingan tetapi kembali meningkat pada tahun 2015 di mana peningkatan sebanyak 21%. Dari kenaikan bilangan pensyarah/staf yang terlibat dengan projek perundingan dari tahun ke tahun secara tidak langsung telah menunjukkan keberkesanan operasi proses perundingan. Ia juga adalah sejajar dengan pencapaian perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti. Para pensyarah/staf yang terlibat di dalam projek perundingan juga berpeluang untuk menambah *networking* dengan industri luar tidak kira dalam dan luar negara. Dengan kerjasama yang dijalankan maka secara tidak langsung dapat meningkatkan kepakaran dan pengetahuan pensyarah dan staf yang terlibat di dalam projek perundingan yang dijalankan.

Jadual 7.2 Bilangan pensyarah yang terlibat di dalam projek perundingan dari tahun 2011 hingga 2015.

Tahun	Staf FSPU	Lain-lain	Jumlah
2011	2	4	6
2012	74	38	112
2013	24	12	36
2014	15	3	18
2015	43	4	47
JUMLAH	158	61	219

ii. Pencapaian Fakulti dan Universiti

Laporan Perundingan dan Perancangan strategik FSPU dari tahun 2011 hingga 2015 telah menunjukkan keberkesanan operasi proses perundingan di mana wujudnya faktor-faktor kejayaan seperti operasi tadbir urus yang baik dan pengurusan dana oleh kakitangan dan Lembaga Pemegang Amanah untuk menyokong dan memantau operasi.

Kepercayaan yang berterusan daripada industri luar/pihak klien telah menyebabkan para pensyarah/staf yang terlibat telah mencapai tahap kemahiran yang dijangkakan. Sokongan yang kuat dari pihak universiti juga telah menggalakkan aktiviti perundingan FSPU semakin meningkat dari masa ke semasa. Kolaborasi pihak FSPU, pihak klien dan pihak Universiti telah menyebabkan berlakunya peningkatan di dalam permintaan perundingan dan pembangunan lestari di dalam pelbagai bidang (Rujuk Jadual 7.2.1). Sepertimana yang diketahui, pihak Unit Perundingan UiTM adalah merupakan satu bahagian di bawah *Research Management Institute* (RMI), iaitu berada di bawah penyelidikan UiTM. Dengan peningkatan hasil projek perundingan FSPU secara tidak langsung telah membantu penambahan bilangan projek perundingan Universiti secara amnya.

Research Management Institute (RMI) dipercayai untuk menguruskan aktiviti-aktiviti perundingan yang pelbagai seperti perkhidmatan profesional, pengurusan projek, pengurusan acara, ujian bahan dan penyelenggaraan, pembangunan, pasaran dan kajian produk dan program pemindahan ilmu. FSPU sentiasa bekerjasama dengan pihak RMI Universiti bagi memastikan keberkesanan operasi proses perundingan yang dijalankan.

iii. Kepuasan Pihak Berkepentingan

Pencapaian matlamat projek perundingan adalah melalui komitmen dan hubungan yang baik di antara pihak klien/pihak berkepentingan dengan pengurusan atasan pengurusan. Modal insan yang komprehensif, penambahbaikan proses kerja melalui inovasi telah menyebabkan keberkesanan operasi proses perundingan melalui indikator kepuasan pihak klien. Jadual 7.2.3 menunjukkan senarai pihak klien yang terlibat di dalam projek perundingan FSPU dari tahun 2011 hingga 2015. Jadual ini juga menunjukkan indeks tahap kepuasan klien atau pihak berkepentingan terhadap pihak FSPU dari tahun 2011 hingga 2015. Indeks ini diukur berdasarkan kepada kekerapan dan pengulangan pihak berkepentingan mengadakan perundingan dengan FSPU. Data daripada Jadual 7.2.3 juga menunjukkan bahawa Bahagian Pembangunan dan Fasiliti UiTM telah menjalankan 6 projek perundingan diikuti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) 4 projek, K Builders Training & Consulting 3 projek, Syarikat Prasarana Negara Berhad 3 projek, Sime Darby Property 3 projek, Rumah Emas Construction 2 projek, Construction Industry Development Board (CIDB) 2 projek, dan masing-masing 1 projek bagi pihak berkepentingan yang lain. Ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya kepercayaan dan keyakinan pihak klien dengan FSPU di dalam menjalankan proses perundingan sehingga menyebabkan beberapa pihak klien telah kembali untuk bekerjasama dengan pihak FSPU.

Jadual 7.3 Senarai pihak klien yang terlibat di dalam perundingan dengan FSPU dari tahun 2011 hingga 2015.

KLIEN	KEKERAPAN
Maktab Koperasi Malaysia (MKM)	1
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	4
Beta Tegap Sdn Bhd	1
K Builders Training & Consulting	3
Malaysia Airport Holdings Berhad	1
Multimedia Development Corporation	1
Bahagian Pembangunan dan Fasiliti UiTM	6
DZJ & Associates Architects Sdn Bhd	1
Suruhanjaya Persaingan Malaysia	1
Institut Teknologi Brunei	1
Majlis Pebandaran Seremban (MPS)	1
Pyro Tech Systems Sdn Bhd	1
Perfac Resources Sdn Bhd	1
Millennium Release Sdn Bhd	1
PGF Insulation Sdn Bhd	1
UiTM Holdings Sdn Bhd	1
Institut Perhutanan Malaysia (FRIM)	1
Majlis Amanah Rakyat	1
SPRM	1
School of Quantity Survey (SQS) Jakarta Indonesia	1
MSO Corporation Sdn Bhd	1
Syarikat Prasarana Negara Berhad	3
Jabatan Kastam Di Raja Malaysia	1
KR Asia Synergy Sdn Bhd	1
C M Management (Sarawak) Sdn Bhd	1
Commix Arts Sdn Bhd	1
Yus Sdn Bhd	1
Construction Research Institute of Malaysia	1
Rumah Emas Construction	2
Kerajaan Negeri Selangor	1
Terminal Bersepadu Gombak Sdn Bhd	1
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1
Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	1
Department of Agriculture	1
Construction Industry Development Board (CIDB)	2
Sime Darby Property	3
Kerajaan Negeri Sarawak	1

7.3 HASIL DARI TUMPUAN PELANGGAN

Hasilan bidang perundingan dari sudut pelanggan adalah diukur daripada manfaat yang dinyatakan didalam Jadual 7.4. Jadual 7.5 menunjukkan ringkasan jenis aktiviti perundingan bersama dengan nilai dan kategori klien.

Jadual 7.4 Rujukan Manfaat Kumpulan Sasaran bidang Perundingan FSPU

Kumpulan Sasaran	Manfaat
Pelajar semasa/bakal	Memberikan peluang pekerjaan pada bakal graduan dan kursus yang diiktiraf oleh bakal majikan secara tidak langsung akan menjadikan kursus lebih dikenali. Pelajar juga dapat didedahkan dengan suasana pekerjaan yang sebenar selain dapat berinteraksi terus dengan bakal majikan.
Alumni, Klien dan Bakal Majikan	Menyediakan tenaga kerja yang lebih bersedia menghadapi suasana pekerjaan semasa dengan pendedahan awal melalui kerja-kerja perundingan yang biasa dijalankan. Pihak klien juga dapat mengenalpasti kelebihan dan kelemahan yang ada pada bakal graduan dan dapat berkongsi pendapat dengan pihak fakulti untuk tujuan penambahbaikan.
Pensyarah/ Perunding	Menambahkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang masing-masing disamping dapat berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing dengan pihak industri. Secara tidak langsung kepakaran yang ada dapat dipraktikkan dan disalurkan kepada masyarakat amnya dan negara khususnya.

7.3.1 Hasil bidang perundingan dari sudut Pelajar semasa/bakal

Aktiviti perundingan dapat dilihat memberikan kesan positif kepada pelajar dan juga bakal pelajar terutamanya melalui keberkesanan berkomunikasi, bertindak dan berbuat keputusan, bekerja didalam kumpulan, dan juga skill keusahawan. Keberhasilan ini dapat dilihat dengan adanya program-program seperti Knowledge Transfer Program (KTP), dimana para pelajar terlibat terus didalam projek perundingan ataupun penyelidikan. Selain daripada itu, perundingan bersifat latihan dan bengkel juga memberikan peluang kepada para pelajar untuk bersama-sama melibatkan diri samada sebagai hos, peserta mahupun pembantu penyelidik/pengajar. Daripada pendedahan sebegini, FSPU dapat menghasilkan pelajar yang diiktiraf kebolehan mereka. Ini terbukti dengan terdapatnya program-program yang hoskan dan dijalankan oleh para pelajar FSPU sendiri. Program-program ini dijalankan dibawah unit yang mengendalikan hal ehwal pelajar dan juga Sekretariat Mahasiswa FSPU. Sekretariat Mahasiswa Fakulti FSPU berkhidmat untuk warga Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur UiTM Shah Alam yang mengetuai 10 persatuan dalaman FSPU dan berada di bawah pimpinan Majlis Perwakilan Pelajar FSPU. Sekretariat Mahasiswa Fakulti FSPU mengetuai 10 persatuan dalaman FSPU.

Selain daripada itu, pelajar FSPU juga dilengkapi dengan akses kepada persatuan-persatuan pelajar yang dinaungi oleh badan professional seperti Student's Chapter (RISM, CIB dan sebagainya). Melalui persatuan-persatuan dalaman ini, suara pelajar dan pergerakan pelajar dapat disalurkan dan uruskan secara berterusan kepada pengurusan tertinggi hal ehwal pelajar dan juga FSPU. Aktiviti-aktiviti dan koordinasi 10 persatuan ini dapat di akses melalui laman Facebook (<https://www.facebook.com/SekretariatMahasiswaFakultiFSPU?fref=photo>).

Jadual 7.5 Ringkasan Aktiviti Perundingan FSPU

YEAR	NO	NILAI	KATEGORI					TOTAL	JENIS						TOTAL
			GOV	PRV	UITM	OVERSEA	OTHERS		PS	CR	EP	TRAIN	KTP	others	
2011	1	RM 34,850.00	1					1	1						1
2012	25	RM 2,227,728.00	9	15	1			25	17	5			2	1	25
2013	10	RM 911,695.00	2	4	2	1	1	10	4	3	1		1	1	10
2014	7	RM 275,696.54	2	3	2			7	4	2			1		7
2015	10	RM 2,518,130.70	6	4				10	4	2		4			10

GOV – agensi kerajaan

PRV – agensi swasta

UiTM – Universiti Teknologi MARA

Oversea – agensi Luar Negara

PS – Profesional Servis

CR – Penyelidikan Kontrak

EP – Panel Expert

Train – Latihan/BEngkel

KTP – Knowledge Tranfer Program

7.3.2 Hasil bidang perundingan dari sudut Alumni, Klien dan Bakal Majikan

Selain daripada mendekatkan lagi hubungan dengan industri. FSPU mempunyai alumni yang kuat dan alumni FSPU juga adalah diantara mereka yang sangat penting didalam badan-badan professional dan industri. Keberkesanan hubungan dapat dilihat dengan adanya aktiviti-aktiviti bersama alumni yang juga diantara mereka merupakan klien dan bakal majikan kepada pelajar-pelajar FSPU. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti Makan malam dan Forum Alumni yang telah berjalan selama 3 tahun pada tahun 2013, 2014 dan 2015, Alumni Homecoming, Golf Alumni, Seminar Alam Bina Alumni, Professional Talks dan lain lain aktiviti yang dijalankan dibawah kelolaan Research Management Unit (RMU) dan ICAN.

7.3.3 Hasil bidang perundingan dari sudut Pensyarah/ Perunding

Terdapat juga staf FSPU yang dilantik menjadi profesor pelawat contohnya profesor pelawat di King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang, Thailand. Di dalam negara ramai staf FSPU terlibat sebagai ahli panel penilai MQA, penilai pengkelasan hotel Kementerian Pelancongan Malaysia (MoTOUR), ahli lembaga LAM & CAAEM LAM.

Usahasama dan kerjasama bersama FSPU dengan organisasi dalam dan luar negara juga dimeterai seperti Memoranda Persefahaman (MoU) dengan Malaysian Institute of Planners/ Federal Department of Town & Country Planning, King Mongkut's Institute Technology Ladkrabang (Bangkok), Universitas Pancasila (Indonesia), Universitas Gadjah Mada (Indonesia), Eastern Mediterranean University (North Cyprus), Istanbul Technical University (Turkey) dan Abu Dhabi University (UAE).

Melalui projek perundingan yang berkesan, para perunding di FSPU antaranya berjaya memperoleh kolaborasi perniagaan yang berteraskan penyelidikan. Geran Malaysia Laboratories for Academia - Business Collaboration (MyLAB) bernilai RM3.6 juta diperolehi pada tahun 2014 adalah bukti keberkesanan dan inovasi yang terhasil daripada maklumbalas pelanggan. FSPU juga diberi mandat untuk menjalankan *Short course on LiDAR Mapping* dan *Annual short course on LiDAR mapping for Malaysian Licences Land Surveyors* dibawah kelolaan Pusat Pengajian Sains Ukur dan Geomatik.

Selain daripada lantikan-lantikan oleh industry, pensyarah FSPU yang terlibat dengan aktiviti perundingan juga dapat imbuhan didalam bentuk keewangan seperti yuran professional yang beranggaran 70% daripada nilai projek perundingan seperti yang tertera didalam Jadual 7.3.2.

7.4 Hasil dari Tumpuan Tenaga Kerja

Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh FSPU di dalam memastikan tumpuan tenaga kerja di dalam aktiviti perundingan dapat diutilisasikan. Antara hasil utama yang dapat ditunjukkan adalah melalui jumlah perundingan yang diperolehi di antara 2011 hingga 2015 (Jadual 7.6).

Jadual 7.6 Projek Perundingan tahun 2011-2015

BIL	HURAIAN	TAHUN				
		2011	2012	2013	2014	2015
1	Jumlah projek perundingan	1	24	9	9	9
2	Nilai projek perundingan (RM)	34,850.00	2,227,728.00	549,280.00	874,335.94	2,198,710.30

Selain itu, melalui kerja-kerja perundingan, staf FSPU mempunyai peluang sebagai tenaga pengajar bagi kerja-kerja perundingan yang melibatkan pembangunan staf (Jadual 7.7).

Jadual 7.7 Tenaga pengajar bagi kerja – kerja perundingan (2011 – 2015)

Tahun	Jumlah
2011	-
2012	10
2013	4
2014	4
2015	10

Perjanjian MOU di antara universiti-universiti luar juga adalah bukti kepada hasil daripada tumpuan tenaga kerja terhadap kerja-kerja perundingan (Jadual 7.8).

Jadual 7.8 Memorandum Persefahaman FSPU Tahun 2011-2015

BIL	ORGANISASI TERLIBAT	MULA	TAMAT
1	Malaysian Institute of Planners/Federal Department of Town and Country Planning	04/10/14	04/25/14
2	University of Science & Technology Yemen	06/14/09	06/13/13
3	Istanbul Technical University, Turkey	12/15/11	12/15/14
4	King Mongkut's Institute of Technology, Thailand	04/05/11	04/04/16
5	Universitas Pancasila, Indonesia	06/08/11	06/08/16
6	Eastern Mediterranean University, Turkey	12/06/11	12/09/11
7	University of Salford, United Kingdom	01/01/08	01/01/15
8	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia	03/01/15	03/01/16

Kerja-kerja perundingan yang diperolehi tidak hanya menjurus kepada bidang atau industri pembinaan sahaja di mana bidang ini merupakan bidang kepakaran utama FSPU. Malahan FSPU turut memperoleh khidmat perundingan kepada industri lain selain daripada pembinaan iaitu industri kewangan, pengangkutan, perkapalan, pendidikan, pertanian, penguatkuasaan dan komunikasi. Ini membuktikan, FSPU telah berjaya mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman tenaga kerja yang ada (Jadual 7.9 dan 7.10).

Jadual 7.9 Kerja-Kerja Perundingan Mengikut Industri (Tahun 2011-2015)

BIL	INDUSTRI	BIL. PROJEK
1	Kewangan	1
2	Pengangkutan	10
3	Pembinaan	28
4	Perkapalan	1
5	Pendidikan	6
6	Pertanian	2
7	Penguatkuasaan	2
8	Komunikasi	2
	JUMLAH	52

Jadual 7.10 Kerja-Kerja Perundingan Mengikut Jenis (Tahun 2011-2015)

BIL	HURAIAN	BIL. PROJEK
1	Pengurusan	35
2	Latihan Kemahiran	15
3	Pembangunan sistem	2
	JUMLAH	52

7.5 Hasil dari Prestasi Kewangan

Aktiviti perundingan telah dijalankan di UiTM sejak tahun 1980an lagi. Sehingga kini aktiviti perundingan ini masih relevan dan signifikan dalam meningkatkan pendapatan universiti. Saluran perundingan telah membuka ruang yang lebih berkesan dalam bidang jaringan akademik-industri, dalam konteks pembangunan mampan negara dan seterusnya menyumbang kepada Agenda Transformasi Ekonomi Negara.


Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bilangan 2, Tahun 2015 telah mewajibkan staf Universiti Teknologi MARA untuk mendaftarkan projek perundingan di bawah Unit Perundingan, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI), Universiti Teknologi MARA.

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan UiTM ke-193 bertarikh 23 Disember 2014 telah memutuskan kadar agihan baru ke atas semua perundingan yang didaftarkan (Jadual 7.11). Berkuatkuasa 1 Januari 2015 kadar agihan terkini hasil kumpulan perundingan adalah daripada 20% ke atas nilai projek dengan butiran pecahan seperti berikut:

Jadual 7.11 Pecahan agihan projek berdaftar dengan IRMI

Tabung Agihan Dana	Peratus agihan (20% ke atas nilai projek)
Tabung RMI (IRMI)	5%
Tabung Fakulti/Pusat	4%
Tabung Destini Anak Bangsa	4%
Tabung Dana Kecemerlangan Pendidikan	5%
Tabung Pendapatan UiTM (KY)	2%
JUMLAH	20%

1. Kadar pengambilan agihan adalah berdasarkan peratus ke atas bayaran diterima daripada klien (nilai projek).
2. Projek yang telah didaftarkan sebelum tarikh kuat kuasa agihan baru akan menggunakan kadar agihan sedia ada sehingga projek tamat keseluruhannya.
3. Bagi projek yang dijalankan mengikut fasa atau berkala, kadar agihan baru berkuat kuasa apabila memasuki fasa baru.
4. Bagi projek yang telah didaftarkan selepas 01 Januari 2015 dan sebelum nya adalah termasuk dalam tempoh peralihan. Sebarang pengecualian penggunaan kadar baru semasa dalam tempoh peralihan adalah dengan kelulusan Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) RMI melalui permohonan secara bertulis daripada pihak perunding.



Rajah 7.5 Statistik projek berdaftar mengikut fakulti tahun 2015

Rajah 7.5 menunjukkan peningkatan dari aspek perundingan di peringkat fakulti amatlah memberangsangkan sepanjang lima tahun kebelakangan ini. Ini boleh dilihat dari jumlah perundingan yang didaftarkan ke IRMI. Statistik yang dikeluarkan oleh IRMI pada tahun 2015 menunjukkan FSPU (AP) telah menjadi fakulti yang mengutip jumlah pendapatan paling tinggi dengan jumlah nilai projek melebihi satu juta ringgit, menerusi hanya lapan buah projek perundingan.

7.5.1 Keberkesanan kos

Di peringkat FSPU, agihan 4% honorarium dimasukkan ke Tabung Amanah Fakulti di bawah Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat (ICAN) yang diterajui oleh Timbalan Dekan ICAN dan jawatankuasa yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang bertanggungjawab dalam pengurusan dana tersebut. Selain daripada aspek perundingan, ICAN juga bertanggungjawab menguruskan aspek-aspek yang berhubung dengan penyelidikan, jaringan industri dan kemasyarakatan, alumni dan kebolehpasaran graduan di peringkat fakulti.


Agihan dari dana tersebut digunakan untuk tujuan aktiviti-aktiviti penambahbaikan perundingan dan penyelidikan, pameran inovasi IIDEX, program-program kemasyarakatan dan untuk tujuan pelancaran program-program ICAN di peringkat fakulti. Antara program-program ICAN yang telah diadakan di peringkat FSPU adalah seperti berikut (Jadual 7.12):

Jadual 7.12 Program yang dianjurkan oleh ICAN

	Program ICAN	Anjuran
1	IIDEX	ICAN
2	Kursus latihan Safety and Health Officer untuk para pelajar	Kolaborasi ICAN dan NIOSH
3	Bengkel penulisan manuskrip ke jurnal berindex	ICAN
4	Program persediaan untuk bakal graduan ('Grooming Program')	
5	FSPU Alumni Homecoming	
6	Seminar Alam Bina Alumni FSPU	
7	Professional Talk: Seize The Opportunities	Center of Studies for Postgraduates

FSPU berupaya memberi perkhidmatan dalam pelbagai aspek perundingan dengan kekuatan staf yang mempunyai latar belakang dan pengalaman yang tinggi dalam bidang masing-masing. Di antara aspek-aspek perundingan yang ditawarkan di peringkat fakulti adalah seperti berikut:

1. Penyelidikan
2. Perkhidmatan professional
3. Program Pemindahan Pengetahuan (Knowledge Transfer Program)
4. Panel pakar
5. Latihan
6. Lain-lain (merangkumi Pemeriksaan Penyelenggaraan dan sebagainya)




Rajah 7.6 Nilai Pendapatan Perundingan FSPU 2011 - 2015

Berdasarkan data dalam Jadual 7.13, analisa prestasi nilai pendapatan perundingan FSPU di antara tahun 2011 sehingga 2015 telah dibuat dan dibentangkan dalam Rajah 7.6. Berbanding tahun 2011, peningkatan yang memberangsangkan pada tahun 2012 menjana pendapatan berjumlah lebih RM 2 juta. Manakala dua tahun berikutnya merekodkan penurunan mendadak sebanyak 87.6% berbanding 2012. Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan perundingan ini boleh dijadikan strategi bagi peningkatan pendapatan perundingan di masa akan datang. Tahun 2015 kembali menampakkan peningkatan dari segi pendapatan dengan kenaikan sebanyak 89% berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 7.13 Jumlah Hasil Dari Perundingan FSPU 2011 – 2015 Mengikut Kategori Dan Jenis

YEAR	NO	VALUE	YEAR	CATEGORY					TOTAL	TYPE						TOTAL
				GOV	PRV	UITM	OVERSEA	OTHERS		PS	CR	EP	TRAIN	KTP	others	
2011	1	RM 34,850.00	2011	1					1	1						1
2012	25	RM 2,227,728.00	2012	9	15	1			25	17	5			2	1	25
2013	10	RM 911,695.00	2013	2	4	2	1	1	10	4	3	1		1	1	10
2014	7	RM 275,696.54	2014	2	3	2			7	4	2			1		7
2015	10	RM 2,518,130.70	2015	6	4				10	4	2		4			10
	53		TOTAL	20	26	5	1	1	53	30	12	1	4	4	2	53

AKTIVITI PERUNDINGAN FSPU 2011-2015



Rajah 7.7 Aktiviti Perundingan FSPU 2011 – 2015

Dari pemerhatian yang dibentangkan dalam Jadual 7.7, dapat disimpulkan bahawa tahun yang paling aktif adalah pada tahun 2012 di mana sejumlah 25 projek perundingan di peringkat fakulti telah didaftarkan di IRMI, dengan jumlah pendapatan RM 2.23 juta. Walau bagaimanapun, tahun 2015 mencatat nilai produktiviti tertinggi dengan jumlah pendapatan RM 2.52 juta. Tahun 2013 menampakkan kepelbagaian jenis perundingan tertinggi dalam tempoh 5 tahun tersebut. Kategori perkhidmatan profesional telah dikenalpasti sebagai kategori dengan permintaan tertinggi.

7.5.2 Pulangan Pelaburan (ROI)

Pulangan pelaburan dari aspek perundingan membantu FSPU menjadi sebuah fakulti yang mantap, berdaya saing serta berupaya menjadi fakulti yang berdikari dalam menguruskan pembangunan perundingannya yang dibantu oleh panel pakar yang terdiri dari staf akademik FSPU yang berpengalaman dalam bidang masing-masing. Dana daripada hasil perundingan dapat membangunkan program-program di FSPU yang melibatkan program-program akademik dan industri, penyelidikan, kemasyarakatan dan pembangunan *soft skill* pelajar serta menjalin hubungan dengan para alumni. Pulangan pelaburan ini boleh dilihat dari aspek-aspek berikut:

a) *Nilai tambah kepada kredibiliti dan kualiti staf perunding*

Projek-projek perundingan melibatkan penglibatan staf akademik dari pelbagai disiplin dan latarbelakang yang boleh membantu projek-projek perundingan dari segi penyelidikan, pakar rujuk atau rakan kolaborasi. Dengan pengalaman sebagai panel pakar, kredibiliti dan kualiti staf yang terlibat dipertingkatkan dan menjadi nilai tambah kepada profesion mereka. Staf terlibat mendapat perhatian dari lain-lain agensi tempatan maupun luar negeri. Jalinan akademik-industri memberi manfaat dua hala secara tidak langsung kepada universiti dan industri dalam membentuk profesional berkebolehan dalam pelbagai bidang. UiTM sebagai universiti yang mengeluarkan pakar-pakar rujuk boleh dijadikan landasan jaringan (*'networking platform'*) yang luas dan mantap yang mempunyai kelebihan dalam aspek perundingan dan menjadi rujukan agensi-agensi tempatan dan luar negara.

b) *Projek terlibat mempunyai nilai dan kualiti yang diyakini*

Projek yang diterajui oleh staf yang berpengalaman dan berdaftar dengan badan-badan profesional dijalankan dengan jaminan kualiti yang selari dengan nama UiTM sebagai sebuah jenama, sekaligus menjadikan projek-projek yang terlibat lebih berkualiti dan mempunyai pengurusan yang efisien.

c) *Pengalaman keusahawanan dan pembangunan keupayaan*

Aspek perundingan boleh menjadikan UiTM amnya dan FSPU khususnya menjadi sebuah institusi yang berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada mana-mana pihak untuk sokongan kewangan. Usaha ini seiring dengan matlamat UiTM untuk bukan sahaja menjadikan UiTM sebagai *'think tank'* tetapi juga *'skill bank'* melalui hubungan atau kerjasama produktif di antara akademik dan industri, di mana fakulti berperanan sebagai sebuah perusahaan. Budaya keusahawanan yang dipupuk dan dipraktikkan ini mampu menjadikan FSPU sebagai satu unit yang mampan dan lestari.

d) *Pembangunan FSPU yang lebih efisien*

Agihan dana ini boleh membantu pembangunan akademik dan profesion pelbagai bidang serta penambahbaikan kualiti ilmu warga akademik dan para pelajar di FSPU. Mereka berpeluang mengenengahkan idea-idea bernas melalui projek-projek yang dijalankan dalam pertandingan atau pameran-pameran yang diadakan di peringkat fakulti dan universiti.

Dana yang diagihkan digunakan bukan sahaja untuk usaha-usaha perundingan tetapi juga untuk mengadakan bengkel, seminar, kursus, penyelidikan dan menyertai pertandingan bagi staf akademik dan juga pelajar. Dengan cara ini potensi pelajar dan ahli akademik dapat diketengahkan dan mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pelajar dan pendidik.


e) *Knowledge transfer*

Perundingan boleh bertindak sebagai saluran atau media pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) di antara penggiat akademik dan industri luar. Mereka yang terlibat saling memanfaatkan pengalaman dari jaringan perundingan ini. Inovasi dan teknologi terkini dikongsi dan digunapakai dalam pembangunan projek-projek yang dijalankan melalui usahama atau kalaborasi kedua-dua belah pihak. Melalui jaringan perundingan ini juga membuka pelbagai dimensi lain untuk merealisasikan projek-projek yang dijalankan.

**FAKULTI SENIBINA,
PERANCANGAN DAN UKUR**

LAMPIRAN

“Generations of Professional Excellence”



Strategic Planning

**Faculty of Architecture, Planning and
Surveying, 2011-2015**

ACKNOWLEDGEMENTS

We would like to express our special thanks of gratitude to Associate Professor Dr Masran Saruwono, the Dean of Faculty of Architecture, Planning and Surveying for the support given as well as the dedicated FSPU's staff who gave insightful ideas and cooperation in the FSPU Strategic Planning 2011-2015 workshop.

CONTENTS

1.0 INTRODUCTION

2.0 MANAGEMENT AND LEADERSHIP

2.1.	S.W.O.T. ANALYSIS	2
2.1.1	Strengths	2
2.1.2	Weakness	2
2.1.3	Opportunities	2
2.1.4	Threats	2
2.2	Strategies	2
2.2.1	Putting FSPU on the World map	2
2.2.2	Image Building and Branding	2
2.2.3	Promoting Staff Expertise	3
2.2.4	Management of Resources For Shah Alam and Puncak Campus	3
2.2.5	Winning AKNC	3
2.3	Action Plan	3
2.3.1	Putting FSPU on The World Map	4
2.3.2	Image Building and Branding	4
2.3.3	Promoting Staff Expertise	4
2.3.4	Management of Resources For Shah Alam and Puncak Campus	4
2.3.5	Winning AKNC	4
2.4	Key Performance Indicators	4

3.0 ACADEMIC

3.1	S.W.O.T. ANALYSIS	5
3.1.1	Strengths	5
3.1.2	Weaknesses	5
3.1.3	Opportunities	5
3.1.4	Threats	5
3.2	STRATEGIES	
3.2.1	Introducing Blended Learning	6
3.2.2	Review and Develop New Mix-Mode Curriculum	6
3.2.3	Collaborating with Top- Notch Universities	6

3.2.4	Review Content and Benchmarking	6
3.2.5	Meeting the Academic Key Performance Indicator	6
3.3	ACTION PLAN	
3.3.1	Introducing of Blended Learning	7
3.3.2	Review and Develop New Mix-Mode Curriculum	7
3.3.3	Collaborating with Top- Notch Universities	7
3.3.4	Review Curriculum Content and Benchmarking	7
3.4	Key Performance Indicators	8
3.4.1	Number of Blended Learning Courses	8
3.4.2	Number Of Mix-Mode Curriculum	8
3.4.3	Number Of Mix-Mode for Master Programs	8
3.4.4	. Number of Programs Collaborating with top-notch Universities	8
3.4.5	Number of Programs with entrepreneurial features/ content in courses	8
3.4.6.	Percentages of employability rate within 6 month upon graduation	8
3.4.7	Number of Programs achieving 5-Star of HEA KPI	8
4.0	STUDENT AFFAIRS	9
4.1	S.W.O.T. ANALYSIS	9
4.1.1	Strengths	9
4.1.2	Weaknesses	10
4.1.3	Opportunities	10
4.1.4	Threats	10
4.2	Strategies	10
4.2.1	Acculturating entrepreneurship among students	10
4.2.2	Involving Alumni's in student activities	10
4.2.3	Promoting students involvement with communities	10
4.2.4	Enhancing English usage in daily practices	10
4.3	Action Plan	10
4.3.1	Students entrepreneur	10
4.3.2	Revitalizing Alumni	11
4.3.3	Students Comfort	11
4.3.4	Communication skills	11

4.3.5	Involvement in Community	11
5.0	RESEARCH AND PUBLICATION	
5.1	S.W.O.T. ANALYSIS	12
5.1.1	Strengths	12
5.1.2	Weaknesses	12
5.1.3	Opportunities	12
5.1.4	Threats	12
5.2	Strategies	12
5.2.1	Establishing of Institute of Built Environment	12
5.2.2	Respond to current issues (CEO Head)	12
5.2.3	Visibility / look Active	12
5.2.4	Research Excellent and Core areas	13
5.2.5	Research, Innovation and Commercial Infrastructure development	13
5.2.6	Acculturing Research for academic	13
5.2.7	Acculturing Research for academics	13
5.2.8	Promoting Research products and finding to the world	13
5.2.9.	Publication	14
5.2.10	Consultancy and Alumni Networking	14
5.2.11	Industry and Alumni Networking	14
5.2.12	Industry and Alumni Networking	14
5.2.13	Achievement of MYRA score for 2013-2015	14
5.2.14	Achievement of MYRA score for 2013-2015	15
5.2.15	Achievement of MYRA score for 2013-2015	15
5.3	Action Plan	15
5.4	Key Performance Indicators	17
6.0	STRATEGIC BUSINESS UNIT	20
6.1	S.W.O.T. ANALYSIS	
6.1.1	Strengths	20
6.1.2	Weaknesses	20
6.1.3	Opportunities	20
6.1.4	Threats	20

6.2	Core Competencies	20
6.3	Strategies	21
6.4	SBU Organization	21
6.4.1	Organizational Chart	21
6.4.2	Scope of SBU	22
6.5	Action Planning	22
6.5.1	Key Performance Indicators	23

Section 1

INTRODUCTION

The FSPU Strategic Planning 2011-2015 is formulated to enable FSPU to compete with institutions of higher education globally. FSPU has many niche programs that must be defended. At the same time, FSPU is also running many new, lesser known academic programs that require aggressive marketing and performance enhancement.

Achieving strategic competitiveness is challenging. FSPU is facing rising management and operating costs and intense competition from other academic institutions. The rapid economic, social, political and technological changes provide opportunities and threats to FSPU. To maintain strategic competitiveness demands continuous efforts from lecturers, administrative staff and students.

The main aim of the FSPU Strategic Planning 2011-2015 is to provide directions for the Centres of Studies, academicians and administrative staff within FSPU in performing their tasks. The strategies were formulated by FSPU's staff from varying academic backgrounds and experiences. However, the most important factor that determines the success of the FSPU Strategic Planning is the participation, motivation and feedback from the entire staff and students during the implementation stage.

This document is divided into five sections, i.e., Management and leadership, Academic, Student Affairs, Research and Publications and Strategic Business Units. Each section is subdivided into SWOT Analysis, Strategies, Action Plan and Key Performance Indicators. It is hoped that numerous strategies listed in this document will be implemented within the time frame given.

Vision

